



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I

Bil. 16

Hari Isnin

23hb Mac 1987

KANDUNGANNYA

MENGGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Hassan bin Nam)
Y.B. Tuan Ng Peng Hong @ Ng Peng Hay) (Ruangan 1)
Y.B. Tuan Dahalan bin Haji Embun)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengangkat Sumpah (di Luar Dewan)

Y.B. Dato' Tan Peng Khooo)
Y.B. Puan Law Jack Yoon)
Y.B. Tuan Tan Chai Ho)
Y.B. Tuan Mohd. Wadji bin Dato' Haji Ishak)
Y.B. Tuan Ismail biri Nagore) (Ruangan 1)
Y.B. Tuan Lim Heng Tee)
Y.B. Puan Hajjah Rosnah binti Nohd. Salleh)
Y.B. Puan Habidah binti Jusoh @ Yusof)
Y.B. Tuaa Azman Atar bin Othman)
Y.B. Dr. Nordin Selat)

KANDUNGANNYA(Samb.)

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Ruangan 2)
Meraperkenankan Akta-akta	(Ruangan 3)
Perutusan daripada Dewan Rakyat	(Ruangan 4)
URUSAN MESYUARAT	(Ruangan 5)
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 5)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) 1987	(Ruangan 42)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Pulau Langkawi dan Pulau Pinang sebagai Pelabuhan Bebas - Y.B. Tuan Heng Tee	(Ruangan 110)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 23hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Hassan bin Nam

Tuan Ng Peng Hong @ Ng Peng Hay

Tuan Dahalan bin Haji Embunnn

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberi tahu Dewan iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan.

14hb Januari, 1987

Dato' Tan Peng Khoon

Puan Law Jack Yoon

Tuan Tan Chai Ho

23hb Februari, 1987

Tuan Mohd. Wadji bin Dato' Haji Ishak

Tuan Ismail bin Nagore

Tuan Lim Heng Tee

Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh

Puan Habidah binti Jusoh @ Yusof

Tuan Azman Atar bin Othman

Dr. Nordin Setar

MKN GALU-ALUKAH AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi dan di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, dilantik semula dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MKMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986;
2. Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986;
3. Akta Dadah-Berbahaya (Pindaan) 1986;
4. Akta Kewangan 1986;
5. Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986;
6. Akta Syarikat (Pindaan) 1986;
7. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1986;
8. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986;
9. Akta Kewangan (Bank dan institusi Kewangan) 1986;
10. Akta Kewangan (No.2) 1986.
11. Akta Perbekalan 1987;
12. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1987;
13. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1987;
14. Akta Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) 1987;
15. Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987;
16. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1987;
17. Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan)(Pindaan) 1987
18. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1987; dan
19. Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1987.

PERUTOSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"20hb Mac 1987

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
- A, Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986); dan
8. Rang Undang-undang Hakcipta.

Yang ikhlas,

t. t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibaca kali yang kedua dan ketiga di mesyuarat ini juga:

1. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Keretapi. (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986); dan
8. Rang Undang-undang Hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PETANI SISWAZAH

1. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Pertanian menerangkan dapatkah usaha-usaha konkrit, positif dan cepat. Kementerian ini untuk mewujudkan apa yang dinamakan Petani Siswazah, tujuannya menjadikan seberapa ramai anak-anak Melayu yang sudah lulus dari mana-mana Universiti menjadi petani tulin, nelayan tulin, penternak tulin.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tujuan Kerajaan mewujudkan satu golongan petani moden yang menjadi penggerak utama memodenkan sektor pertanian "menerusi perubahan corak dan amalan pengeluaran dan pengurusan pertanian tradisional kepada taraf komersial secara beransur-ansur.

minat yang mendalam bagi membolehkan mereka mengambil peluang menghadapi cabaran di sektor pertanian. Kementerian telah mengenalpasti tidak kurang daripada 17,000 hektar sawah terbiar yang boleh diusahakan oleh siswazah-siswazah. Disamping itu pihak Kerajaan Negeri telah mengenalpasti seluas 5,474 hektar untuk dibangunkan dengan tanaman-tanaman kontan dan tanaman jangka pendek yang menguntungkan oleh petani siswazah. Bank Pertanian Malaysia pula bersedia membantu mengatasi masalah kewangan para siswazah yang ingin mengusahakan projek melalui syarat-syarat kemudahan pinjaman khas yang longgar.

Untuk menyelaraskan pelaksanaan program ini, Kementerian Pertanian telah dilantik sebagai pusat sumber untuk memberi maklumat dan bantuan kepada siswazah yang berminat. Setakat ini seramai 20 orang siswazah di samping ramai lagi belia-belia telah menyahut seruan Kerajaan untuk menjalankan projek-projek pertanian di bawah pendekatan Program Petani Siswazah. Di Kelantan, Kerajaan Negeri telah membuka peluang-peluang kepada para belia dan beliawanis untuk meningkatkan kesedaran, semangat dan kemahiran mereka di bidang pertanian melalui kerjasama dan nasihat kepakaran dari sebuah agensi Jepun iaitu "Overseas International, Social and Cultural Agency", dengan izin. Seramai 87 orang belia/beliawanis telah mendapat faedah dari program ini. Dari jumlah tersebut 33 orang belia telah berjaya terpilih menjalani latihan lanjutan di Jepun sementara 37 orang lagi sedang mengusahakan pelbagai projek pertanian di negeri berkenaan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk melaksanakan satu kempen secara besar-besaran kepada siswazah-siswazah yang bilangannya begitu banyak sekarang ini disebut sebagai penganggur kehormat.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Ada.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, bila hendak dimulakan, sebab sekarang ini keadaan siswazah yang raenganggur ini makin membara, menjadi api dalam sekam dalam masyarakat negara kita.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini di Kementerian kami terdapat seramai 723 orang siswazah yang berdaftar dengan program ini dan juga kita membolehkan siswazah-siswazah mendaftar di Kementerian kita.

PASPORT MALAYSIA - PEMALSUAN

2. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak pasport Malaysia digunakan oleh pelarian Sri Lanka untuk memasuki negara-negara asing, jika benar, berapa banyak kes yang terbukti setakat ini;
- (b) sama ada wujud sebarang sindiket yang terlibat dalam pengeluaran pasport antarabangsa Malaysia dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan ke atas mereka yang terlibat; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperketatkan lagi pemalsuan-pasport dan mengelakkan perkara begini berlaku lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis sedang menyiasat perkara ini dan apabila selesai penyiasatan itu kelak, maka Kementerian Dalam Negeri akan mendapat gambaran yang jelas mengenainya. Pada masa itu Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap sesiapa yang didapati terlibat di dalam perkara ini.

Untuk mencegah pasport Malaysia daripada terjatuh ke tangan orang-orang asing, Kementerian Dalam Negeri telah memperkemaskan lagi sistem penyemakan borang-borang permohonan untuk mendapatkan pasport. Di samping itu, pemeriksaan yang lebih teliti ke atas Pasport Malaysia dilakukan di pintu-pintu masuk di seluruh negara dengan tujuan untuk mengesan penggunaan Pasport Malaysia oleh orang-orang yang tidak berhak, termasuk warganegara asing.

PENGISYTIHARAN HARTA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI AWAM

3. Dato' Dr K.S. Nijhar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang semula memperkenalkan satu dasar mewajibkan semua pegawai-pegawai awam dan pegawai-pegawai institusi kewangan dan awam (seperti Koperasi) mengisytiharkan secara terbuka harta-benda dan tanggungan mereka dari masa ke semasa bagi mewujudkan asas yang kukuh untuk sebuah Kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengarahkan seraua pegawai-pegawai awam (kecuali Kumpulan 'D') membuat laporan pengisytiharan harta mereka kepada pihak berkuasa Lembaga Tatatertib yang berkenaan. Arahan ini terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1981 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1984. Dengan adanya peraturan ini adalah difikirkan pengisytiharan secara terbuka tidaklah perlu.

Bagi institusi-institusi kewangan dan koperasi pula ianya adalah institusi persendirian yang ditubuh dan diuruskan di bawah perundangan dan peraturan tertentu dan tidak di bawah pengurusan Kerajaan secara langsung. Dengan itu apa-apa perkara berhubung dengan pengisytiharan harta pegawai-pegawai institusi kewangan itu akan ditimbang dan ditentukan oleh pihak pengurusan masing-masing.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tidak pegawai-pegawai yang engkar dan memberi laporan palsu dalam masalah ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu tidak ada pegawai yang engkar tetapi kalau ada laporan palsu, ada badan-badan tertentu yang akan menyelidik perkara ini.

PINJAMAH PERNIAGAAN KEPADA BEKAS PENAGIH DADAH

4. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah pelaksanaan cadangan untuk memberi pinjaman perniagaan kepada bekas-bekas penagih dadah. Bagaimana Kerajaan dapat memastikan bahawa wang yang "dipinjamkan itu diguna untuk memulakan sesuatu perniagaan.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman perniagaan adalah diberi kepada bekas-bekas penagih dadah yang telah menunjukkan minat dan juga mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang perniagaan ataupun perusahaan. Mereka ini telah mendapat latihan dan kemahiran semasa di dalam Pusat Rawatan ataupun sesudah mempunyai kemahiran sebelum terlibat di dalam penagihan dadah. Dengan adanya pula latihan-latihan yang diberikan oleh pihak Pusat Rawatan, mereka ini menjadi bertambah mahir - dalam sesuatu bidang yang mana mereka boleh menjalankan perusahaan ataupun perniagaan sendiri apabila mereka kembali ke pangkuan masyarakat.

Sejak daripada tahun 1984, bilangan penagih yang telah diberi pinjaman ialah seramai 82 orang. Bidang-bidang yang mereka ceburi termasuklah antaranya buat batu blok, membaiki kasut, projek pertanian, bengkel membaiki kereta dan lain-lain. Pinjaman yang diluluskan untuk mereka pada had maksimumnya ialah sebanyak \$2,000.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan mengapa cuma 82 orang sahaja yang diberi bantuan pinjaman itu? Adakah dari kalangan mereka ini tidak mahu meminjam atau tidak diluluskan permohonannya?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah ada syarat-syarat yang dipertimbangkan. Di antaranya apa yang telah saya sebutkan tadi iaitu minat mereka dan kemampuan mereka dalam bidang perniagaan ini. Kalau kita memberi kepada semua yang meminta, akibatnya ialah mungkin sebahagian daripada wang yang diberi itu diguna untuk membeli dadah lagi [Ketawa].

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu, daripada 82 orang itu berapakah yang gagal kalau ada yang gagal dalam melaksanakan program yang diberi bantuan kewangan itu?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat di sini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat berminat, bolehlah saya dapatkan maklumat itu.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

5. **Tuan Haji Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki kemerosotan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi taraf bahasa Inggeris di kalangan murid-murid. Berbagai langkah telah dan akan diambil untuk mencapai matlamat ini. Di antara langkah-langkah itu ialah:

- (1) menambah bilangan guru yang terlatih dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris;
- (2) menggalakkan lebih banyak sekolah terlibat dengan Rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah;
- (3) memberi kursus tambahan dalam bidang pengkaedahan pengajaran bahasa Inggeris kepada guru-guru;

- (4) mengeluarkan Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa yang memuatkan antara lain pengkaedahan pengajaran bahasa Inggeris mengikut satu-satu kemahiran tertentu;
- (5) melakukan lawatan ke sekolah-sekolah untuk memberi bimbingan 'ikhtisas kepada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris;
- (6) menggalakkan lebih banyak sekolah menggunakan bahan bantu mengajar bahasa Inggeris keluaran Kementerian Pelajaran;
- (7) menjalankan program 'Listening Comprehension', dengan izin, di peringkat sekolah menengah rendah bagi melatih murid-murid memperolehi kemahiran mendengar dan memaham;
- (8) mengadakan pengajaran pemulihan kepada murid-murid yang lemah; dan
- (9) mengeluarkan program-program dan mendedahkan penggunaan bahan-bahan bantu mengajar serta menunjukkan kaedah pengajaran bahasa melalui alat-alat bantu mengajar seperti radio, kaset, televisyen serta juga video.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah cadangan Kementerian Pelajaran memulakan pengajaran matapelajaran bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Tamil mulai dari Darjah 1 kerana pengajaran mutu matapelajaran bahasa Inggeris kurang berbanding dengan taraf bahasa di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang disebutkan tadi bukan hanya melibatkan satu golongan sekolah sahaja tetapi merangkumi sekolah-sekolah termasuklah Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Peiajaran bercadang untuk mengadakan kempen bagi menimbulkan minat pelajar-pelajar merapelajari bahasa Inggeris?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang telah saya sebutkan tadi iaitu 9 cara-cara telah saya sebutkan, juga termasuk berkempen kepada pelajar-pelajar untuk meminati bahasa Inggeris.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar, Darjah 1 dan 2 di peringkat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan (Cina) tidak mengajar bahasa Inggeris? Adakah cadangan Kementerian Peiajaran untuk menjalankan pelajaran bahasa Inggeris di Darjah 1 dan 2 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan (Cina)?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan dan yang telah saya maklumi kepada Yang Berhormat, langkah-langkah ini termasuk juga sekolah-sekolah yang tersebut iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan (Cina). Namun demikian, kita berbuat demikian bergantung kepada kemampuan kita dari segi guru-guru, bahan-bahan dan sebagainya.

PEHGELAKAN CUKAI JUALAN/PERKHIDMATAN

6. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Kerajaan telah kehilangan cukai-cukai kastam beribu juta ringgit dalam masa kelembapan ekonomi sekarang dan sejumlah besarnya ialah cukai-cukai jualan dan perkhidmatan yang tidak dibayar oleh pelesen-pelesen atas sebab-sebab yang tertentu, apakah pihak Kementerian telah dan sedang mengambil tindakan tegas untuk memungut kembali cukai-cukai tersebut, termasuklah tindakan mahkamah.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan telah kehilangan cukai-cukai kastam beribu-ribu juta ringgit di masa kebelakangan ini. Pengelakan cukai oleh pihak-pihak tertentu memanglah ada tetapi jumlahnya dianggap tidaklah begitu besar.

Berkaitan dengan pengelakan cukai ini, Jabatan Kastam memang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mendapatkan semula cukai-cukai tersebut yang mana termasuklah mengambil tindakan mahkamah ke atas pihak-pihak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1986 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah membawa lebih kurang 868 kes-kes ke mahkamah yang mana sebahagian besar daripadanya adalah yang berkaitan dengan kesalahan pengelakan cukai. Dari jumlah ini, 81 kes adalah mengenai cukai jualan dan 13 kes atas cukai perkhidmatan.

BINATANG-BINATANG LIAR - MEMELIHARA

7. **Tuan Haji Shuib bin Haji Lazim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan binatang-binatang liar di negara kita semakin hari semakin pupus, seperti pelanduk, kijang, rusa, seladang dan lain-lain tidakkah Kerajaan bercadang hendak memberi peluang kepada orang ramai khasnya petani-petani untuk memelihara binatang-binatang jenis ini untuk dijadikan binatang pemeliharaan supaya binatang-binatang ini bertambah biak.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ya. Akan tetapi untuk membiak binatang-binatang seperti rusa, kijang ataupun seladang ianya melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Kawasan tanah yang luas;
- (b) Makanan yang sewajar;
- (c) Pengetahuan mendalam tentang binatang yang berkenaan; dan
- (e) Pengalaman di dalam pembiakan hidupan liar.

Sehingga masa kini Jabatan Perhilitan telah menjalankan perubahan ke atas pembiakan hidupan liar dalam kurungan seperti rusa dan seladang. Dalam pada itu, jabatan itu telah memperolehi pengetahuan dan kepakaran di dalam bidang ini. Jika ada orang perseorangan atau syarikat yang berminat untuk membiak dalam kurungan hidupan liar seperti yang disebutkan tadi, mereka boleh mendapatkan maklumat dari Jabatan Perhilitan.

AKTA RAHSIA RASMI PELANGGARAN

8. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menjelaskan sejauh manakah keberkesanannya Akta Rahsia Rasmi yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Disember 1986 yang lalu dan berapa ramai Pegawai-pegawai Kerajaan atau orang-orang awam yang terlibat diambil tindakan kerana melanggar Akta tersebut.

40. **Tuan Hassan Nam** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu sejak Akta Rahsia Rasmi Kerajaan (ARR) yang diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember, 1986 hingga 28hb Februari, 1987 sudah berapa ramai-kah yang telah "dikenakan hukuman kerana melanggar Akta tersebut ataupun belum dikenakan pada sesiapa lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No.40 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini daripada Yang Berhormat Tuan Hassan Nam kerana kedua-dua soalan tersebut mempunyai maksud dan tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pindaan ke atas Akta Rahsia Rasmi yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Disember 1986 telah dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1987. Oleh kerana baru sahaja dikuatkuasakan adalah terlalu awal untuk mengukur keberkesannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk menjaminkan pelaksanaannya dijalankan dengan kemas dan teratur. Suatu pekeliling baru telah dihantarkan kepada kakitangan Kerajaan supaya mereka benar-benar faham tujuan dan maksud pindaan itu, lebih-lebih lagi tentang tafsiran serta juga tata pelaksanaannya. Taklimat dan sessi penerangan juga diadakan dari semasa ke semasa supaya kakitangan yang terlibat dalam mengendalikan fail-fail sulit dan rahsia benar-benar tahu peranan dan tanggungjawab mereka untuk mengelakkan sebarang kebocoran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak pindaan Akta Rahsia Rasmi ini dikuatkuasakan, belum ada laporan mengenai kebocoran rahsia dibuat.

Tuan C. Krishnan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengarahkan pegawai-pegawai Kerajaan tidak selalu mengatakan bahawa satu-satu bahan maklumat (information). atau data Kerajaan adalah rahsia rasmi, walhal maklumat itu tidak langsung menjadi rahsia rasmi. Kejadian seperti ini. hanya merusakkan imej Kerajaan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pindaan Akta Rahsia Rasmi yang telah dibuat, apa yang ditakrifkan sebagai Akta Rahsia Rasmi adalah diklasifikasikan di dalam beberapa kategori yang telah ditentukan di dalam pindaan tersebut.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Dari tarikh Akta Rahsia Rasmi dikuatkuasakan hingga sekarang, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada ada bahan yang diclasify bahawa Akta Rahsia Rasmi dimansuhkan kerana sudah tidak diclasify sebagai rahsia lagi.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat masa-ini belum ada lagi.

LEBUHRAYA MALAYSIA

9. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Kerja Raya menyatakan sedarkah Kementerian ini bahawa banyak perancangan lebuhraya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia yang tidak sesuai dan tidak selaras dengan perkembangan Ekonomi Negara hingga berlakunya pembaziran wang negara atas projek yang sia-sia. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi mengatasinya.

Meateri Kerja raya [Dato' S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Kementerian Kerja Raya sentiasa sedar bahawa perancangan semua lebuhraya-lebuhraya hari ini telah dibuat bukannya tidak sesuai dan tidak selaras dengan perkembangan ekonomi

negara, bahkan telah dirancang dengan begitu rapi dan teliti dengan mengambil kira aspek-aspek sosio-ekonomi penduduk-penduduk di sepanjang lebuh raya itu. Lebuh raya-lebuh raya dibina bukan sahaja dapat memberi pemandu-pemandu perkhidmatan yang selaras dan selesa, cepat dan lebih selamat tetapi juga dengan tujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Kesan pembinaan lebuh raya-lebuh raya seharusnya dipandang dari segi keuntungan jangka panjang kerana perkembangan ekonomi tidak berlaku dalam masa yang singkat selepas sahaja lebuh raya-lebuh raya yang dibina siap. Oleh itu, adalah tidak benar Kerajaan membazirkan wang untuk membina lebuh raya-lebuh raya dengan tidak memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi negara.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Soalan tambahan, Di sini saya ingin tahu dan ingin minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaya Raya sama ada mereka akan meneruskan rancangan mendirikan beberapa banyak tol dari utara hingga ke selatan, dari timur hingga ke barat, hingga kita tidak terkira banyaknya. Hingga satu masa pernah terdengar di telinga kita beliau digelar 'Menteri Tol'. Adakah Kementerian ini sedar kalau kita berjalan daripada utara hingga ke selatan dan dari timur ke barat berapa banyak tol yang kita bayar dan beban ini akan sampai kepada pengguna-pengguna jalan raya. yang mana kita juga membayar tol yang banyak dan juga cukai jalan raya. Sekiranya Kerajaan terlalu banyak menggunakan tol, adakah bercadang hendak menghapuskan cukai jalan raya. Saya rasa baiklah kita menggunakan satu sistem sahaja. Alangkah baiknya kita menaikkan harga cukai jalan daripada kita banyak mengenakan tol atau pun kita mengenakan tol jalan dan menghapuskan cukai jalan raya. Ini kita mesti kira kerana yang memikul....

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya itu?

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan hendak menghapuskan cukai tol ataupun menambahkan cukai

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan, janganlah panjang-lebar lagi.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Mesti panjanglah, Tan Sri.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas ucapannya, bukannya soalan tambahan. [Ketawa]

Walau bagaimanapun, tanggungjawab saya ialah untuk memberi sedikit pandangan dan keterangan saya kepada Ahli Yang Berhormat. Bukan sahaja saya Menteri Kerja Raya akan dinamakan "Menteri Tol" tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional pun "ahli tol" juga. Bukanlah ini keputusan Menteri Kerja Raya, ini keputusan Jemaah Menteri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional. Janganlah apabila kita bincang kita ikut sahaja dengan pandangan-pandangan parti Pembangkang, ini tidak sesuai; Ahli-ahli Yang Berhormat adalah juga bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan kita mesti mengikuti pandangan-pandangan oleh Jemaah Menteri dan juga mendapat lebih keterangan mengapa Kerajaan suka mengenakan tol di atas jalanraya yang sedia ada di dalam tanah-air kita ini.

Lebih daripada 30 tahun, Tuan Yang di-Pertua, di tanahair ini kita beri kemudahan jalan kepada rakyat jelata tanpa apa-apa bayaran dan jalan-jalan yang mana kita belanja berjuta-juta ringgit - bukan \$1 juta atau \$2 juta, kita belanja lebih daripada \$10 billion dalam tempoh 30 tahun ini. Apabila kita kenakan tol sahaja, ada banyak aduan-aduan daripada bukan rakyat jelata. Rakyat jelata yang saya nampak di kampung-kampung di Alor Setar itu, baru-baru sahaja 3 bulan yang lalu apabila saya merasmikan tol, saya telah merayu kepada rakyat jelata tetapi apa yang saya dapat tahu daripada penduduk-penduduk di kampung yang berpendapatan rendah yang menggunakan jalan itu, mereka kata lebih sesuai mereka bayar tol daripada menggunakan jalan yang merbahaya.

Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat tahu juga kita kenakan tol ini bukanlah untuk memberi masalah kepada rakyat jelata. Tol ini untuk mengadakan satu aliran baru. Aliran baru itu ialah daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat, suka juga mengikuti jalan dengan tol ini dengan lebih senang, lebih laju dan juga lebih sesuai, mereka mesti bayar tol. Bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi dari penduduk-penduduk kampung sehingga ke Menteri Kerjaraya sendiri pun bayar tol. Sedarlah Yang Berhormat.

Tuan Ng Peng Heng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kerjaraya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa lebuh raya di antara Senawang dengan Melaka yang hampir-hampir siap ini bila akan dibuka untuk kegunaan orang ramai dan berapakah bayaran tolnya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya jangka kita akan merasmikan pembukaan jalan ini pada 1hb Julai, 1987 iaitu dari Kuala Lumpur ke Air Keroh. Jadi bagi jalan Kuala Lumpur ke Air Keroh, saya percaya bayaran yang dikenakan ialah lebih kurang \$4.50 sen.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Penjaja-penjaja di Jalan Ekspres Kelang/Kuala Lumpur itu menghalang trafik iaitu apabila mereka menjual barang-barang minuman di Jalan Kuala Lumpur....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai soalan ini, saya beberapa kali sudah bilang bila pertanyaan asal itu ditambah, jangan bawa barang yang baru. Sekarang penjualan di tepi jalan, apakah kaitannya dengan soalan nombor 9 ini? Minta kerjasama dari semua pihak. Kalau tiada lain, saya minta Puan Habibah binti Jusoh mengemukakan soalnya.

CUKAI PENDAPATAN KEPADA ORANG ISLAM

10. **Puan Habibah binti Jusoh @ Yusof** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa tidak dimasukkan cukai pendapatan untuk orang Islam ke dalam zakat pendapatan/zakat gaji, dan apakah langkah-langkah Kerajaan bercadang bagi melaksanakannya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa cukai pendapatan untuk orang-orang Islam tidak dimasukkan ke dalam zakat pendapatan ataupun zakat gaji kerana pertamanya, pembayaran cukai pendapatan adalah dilakukan oleh semua warganegara kita tanpa mengira agama, manakala zakat hanya khusus untuk orang-orang Islam sahaja. Dari segi pentadbirannya pula, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak membezakan seseorang pembayar cukai itu sama ada Islam ataupun bukan Islam.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, cukai pendapatan adalah satu hasil Kerajaan Persekutuan yang antara lain akan digunakan untuk projek-projek pembangunan. Projek-projek pembangunan ini akan dinikmati oleh orang-orang Islam dan bukan Islam. Sekiranya cukai pendapatan orang-orang Islam dimasukkan ke dalam zakat, pendapatan atau zakat gaji, maka ini bermakna projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah ditanggung oleh orang-orang bukan Islam sahaja. Ini adalah kerana wang daripada tabung zakat hanya boleh digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja dan tidak boleh digunakan untuk projek-projek pembangunan yang lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bahagian kedua soalan ini, ingin saya memaklumkan iaitu pada masa ini Kerajaan tidak ber-cadang untuk mengambil apa-apa langkah bagi memasukkan cukai pendapatan yang dibayar oleh orang-orang Islam ke dalam zakat pendapatan atau zakat gaji.

LESEN SENJATAPI

11. **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa lesen senjatapi yang diberikan kepada Ahli Yang Berhormat dihadkan kepada tempoh perkhidmatan sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen senjatapi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat diluluskan atas sifat jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri yang memerlukan senjatapi untuk keselamatan diri. Oleh kerana itu lesen mereka dihadkan selama tempoh menjadi Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri sahaja. Walau bagaimanapun sekiranya masih ada asas keperluan bagi mereka untuk memiliki senjatapi selepas tamat tempoh tersebut, pertimbangan boleh diberi untuk memperbaharui lesen senjatapi tersebut.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDIA

12. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke India baru-baru ini; dan
- (b) apakah tindakan lanjutan yang diambil oleh Kerajaan kita untuk seterusnya memperbaiki hubungan perdagangan dengan India.

24.3.87

2. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang dicapai dari Lawatan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir ke India baru-baru ini.

24.3.87

43. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke India baru-baru ini. Nyatakan kemajuan yang dicapai semasa rundingan dalam bidang sosial, politik dan ekonomi kedua-dua negara.

Menteri Luar Negeri [Dato' Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini. bersama-sama soalan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo dan Tuan C. Krishnan pada 24hb .Mac, 1987.

- (a) Pada keseluruhannya, lawatan rasmi Perdana Menteri ke India baru-baru ini boleh disifatkan sebagai berjaya dan berikut ialah sedikit sebanyak butir-butirnya:
 - (i) Lawatan tersebut telah dapat memupukkan suatu hubungan yang lebih rapat dan mesra antara pucuk pimpinan Malaysia dengan pucuk pimpinan India;

- (ii) Di perbincangan rasmi yang telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Tuan Yang Terutama Rajiv Gandhi dan di mesyuarat berasingan di antara delegasi kedua buah negara, suatu persefahaman yang menyeluruh telah dapat dicapai mengenai isu-isu antarabangsa, serantau dan hubungan dua hala Malaysia-India;
 - iii) Dari segi ekonomi, menerusi perbincangan dengan Perdana Menteri India serta perjumpaan dan dialog dengan pihak perniagaan dan perindustrian India, lawatan tersebut telah dapat menghasiikan minat dan daya usaha baru mengenai peluang menambahkan perdagangan duahala. Juga di dalam konteks kerjasama ekonomi, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat memastikan bahawa India akan terus menjadi pasaran barang-barang mentah terutama sawit.
- (b) Tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh Putra dan Kementerian-kementerian lain adalah
luruh. Di antaranya menjemput dan menghubungi usahawan-usahawan kedua buah negara bagi membina dengan lebih lanjut bidang-bidang usaha-sama

telah dikenalpasti. Di antara bidang-bidang baru yang hnlah diteroka dan diusahakan termasuk aktiviti-aktiviti downscream, dengan izin, di bidang pertanian seperti kelapa sawit, Komponen-Komponen K.ereta dan barangan-barangan non-traditional, dengan izin

- (i) Cadangan lawatan usahawan-usahawan dari India pada bulan April 1987 akan datang dijangka akan memberi manfaat.
- (ii) Lawatan delegasi Proton ke India pada 11hb - 14hb Februari 1987 untuk-meninjau keupayaan pengeluar-pengeluar, komponen kereta di India juga dijangka akan menelurkan beberapa projek.

HOSPITAL BESAR PULAU-PINANG— PEMBESARAN

13. **Tuan Shaikh Dawood Abu Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah rancangan pembesaraa Hospital Besar Pulau Pinang yarig tergendala dapat dimulakan dan bila tanya akan disiapkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban] Tuan Yang. di-Pertua, Kementerian Kesihatan menjadualkan pelaksanaan projek pembesaran Hospital Besar Pulau Pinang iaitu Blok Perkhidmatan Pusat dan Poliklinik dalam Rancangan Malaysia kelima ini juga. Pembinaan dicadang sermula pada awal tahun 1988 dan dijadual siap pada awal tahun 1991.

KENAIKAN PANGKAT BAGI GURU-GURU

14. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapakah dalam urusan kenaikan pangkat terdapat perbezaan antara guru-guru laki-laki dan guru-guru wanita dan apakah sebab-sebabnya begi-tu sedangkan tugas mereka sama.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak membezakan di antara guru-guru lelaki dan guru-guru wanita di dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan.

Dalam urusan kenaikan pangkat, Kementerian Pelajaran berpandukan kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat kenaikan pangkat seperti mana yang telah ditetapkan dalam Perintah Am dan Pekeliling yang berkaitan dengannya.

Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskan guru-guru wanita yang dinaikkan pangkat di seluruh Malaysia,

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadilannya, memang adil, tetapi dari segi peratusannya, saya perlukan notis.

PUSAT PUNGUTAN CUKAI TANJONG MANIS, SARAWAK

15. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pungutan cukai eksport kayu-kayan dari Tanjong Manis, Bahagian Keenam, Sarawak pada tahun 1985 dan 1986; dan
- (b) memandangkan besarnya perbelanjaan pengangkutan yang dipikul oleh pengeksport untuk mengadakan speedboat untuk menghantar kerannya pulang balik antara Sarikei dan Tanjong Manis, dan banyak masa yang terbuang sia-sia dalam perjalanan pulang balik sangat menyukarkan, apakah Kementerian beliau akan menimbang memperuntukkan sejumlah wang untuk membina satu pejabat Kastam di Tanjong Manis bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendaftaran dan pengisytiharan eksport dan sebagainya. (Perbelanjaan minuman bagi operasi satu pejabat Kastam di sana di kira lebih kurang empat puluh lima ribu ringgit setahun sahaja).

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi mejawab soalan (a), adalah dimaklumkan bahawa jumlah hasil kutipan cukai. eksport ke atas kayu-kayan bagi Tanjong Manis Bahagian Keenam, Sarawak bagi Tahun 1985 dan 1986 ialah \$37,221,014.63 sen dan \$38,503,405.50 sen masing-masing.

(b) Pada masa ini. Stesyen Kastam telahpun ada di Tanjong Manis tetapi kegiatannya hanyalah tertumpu kepada aktiviti pencegahan dan pemeriksaan barangan eksport sahaja. Pungutan cukai. tidak boleh dilakukan di situ kerana tempat tersebut adalah terpencil dan tidak mempunyai kemudahan lain yang diperlukan bagi maksud itu, terutamanya kemudahan bank untuk menyimpan cukai yang dipungut. Dengan itu, kegiatan Kastam di Tanjong Manis, hanya boleh dihadkan setakat ini. ke atas pemeriksaan barang sahaja dan urusan pembayaran cukai terpaksa dilakukan di Sarikei. Terima kasih.

ORDINAN PEMBAHAGIAN HARTA 1958 - MEMINDA

16. **Puan Law Jack Yoon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Ordinan Pembahagian Harta 1958 (The Distribution Ordinance 1958) demi memberi hak yang sama dalam soal pemilikan harta-harta kepada kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri seandainya salah seorang daripada mereka meninggal dunia tanpa wasiat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin Sun]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kerajaan belum ada cadangan untuk meminda Ordinan Pembahagian Harga, 1958 (The Distribution Ordinance 1958) oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan yang sedia ada mengenai perwarisan harta si mati sebagaimana terkandung di dalam undang-undang tersebut masih sesuai: dipakai mengikut keadaan semasa.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap meneliti perkara ini mengikut perkembangan semasa dan, akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika keadaan memerlukan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan boleh beri tahu bilakah Akta ini akan dipinda, bolehkah beri satu tempoh masa untuk pindaan itu dikemukakan.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini. Kerajaan tidak boleh berjanji. bilakah hendak beri satu tarikh Akta ini akan dipinda.

LAWATAN PRESIDEN SUHARTO KE MALAYSIA - PERBINCANGAN

17. **Tuan Hassan Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai, dalam perjumpaan dan rundingan antara Presiden Suharto dengan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir dalam perjumpaan empat mata baru-baru ini di Johor Bharu, dan adakah juga turut dibincangkan masalah pendatang-pendatang haram di negara jiran kita itu, dan jika ada nyatakan keputusan yang telah dicapai di ancara kedua buah negara itu.

25.3.87

51. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil rundingan YAB Perdana Menteri dengan Presiden Suharto mengenai pendatang-pendatang haram dari Indonesia ke Malaysia yang diadakan baru-Baru ini dalam rangka lawatan Presiden Suharto ke Malaysia dalam bulan Februari, 1987.

Menteri Luar Negeri [Dato' Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang akan ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin pada 25hb Mac.

Lawatan singkat kerja Presiden Suharto ke Malaysia pada 5hb Februari, dan perbincangan YAB Perdana Menteri dengan beliau adalah dalam konteks perbincangan lanjutan yang sering diadakan bertujuan untuk bertukar pendapat dan fikiran mengenai berbagai-bagai. masalah kepentingan bersama.

Berhubung dengan masalah dua hala, YAB Perdana Menteri bertukar-tukar pendapat dengan Presiden Suharto mengenai perkembangan di kedua-dua negara, di samping usaha-usaha bersama untuk meningkatkan hubungan serta meluaskan kerjasama ekonomi..

Mengenai masalah pendatang haram, persefahaman telah dicapai untuk mengatasi masalah ini. melalui usaha-usaha mengukuhkan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk membolehkan kita mengawal kemasukan pekerja-pekerja Indonesia. Indonesia memahami masalah yang hadapi oleh Malaysia dan bersedia bekerjasama mengatasinya. Indonesia juga bersetuju bahawa pekerja-pekerja Indonesia di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Mengenai ASEAN, khususnya mengenai Persidangan Kemuncak Ketiga yang akan diadakan pada bulan disember, 1987, Malaysia dan Indonesia bersetuju akan perlunya pertubuhan ini. meluaskan skop kerjasama ekonomi bagi menjamin kemakmuran negara masing-masing di samping untuk mengukuhkan keutuhan rantau ini. ASEAN perlu menunjukkan sikap bersatu padu bagi membolehkan pertubuhan ini maju dan berjaya

Mengenai isu-isu di rantau ini, perbincangan tertumpu kepada perkembangan di Kampuchea dan Vietnam, terutamanya pertukaran pucuk pimpinan Vietnam serta usaha-usaha yang diambil oleh ASEAN dan lain-lain negara dalam mencari satu penyelesaian politik pada masalah Kampuchea.

HARI PONGGAL

L8. **Tuan C. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan boleh memberikan "Cuti tanpa rekod" untuk hari "ponggal" yang merupakan hari raya yang melampau. sekatan-sekatan agama dan merupakan satu peristiwa budaya bagi masyarakat kaum India.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, cuti tanpa rekod bagi tujuan menyambut perayaan-perayaan bercorak agama ataupun adat, memang telah diperuntukkan mengikut Perintah Am 39 Bab "C".

Walau bagaimanapun, sesuai dengan syor Jawatankuasa Kabinet Gaji, Kerajaan telah membatalkan kemudahan ini dan sebagai gantinya Kerajaan telah menambahkan sebanyak lima hari kepada cuti rehat tahunan bagi semua peringkat pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Keputusan ini telah dilaksanakan semenjak 1hb Julai 1977 dan kakitangan yang terlibat bolehlah menggunakan cuti ini bagi tujuan merayakan hari "ponggal" mereka itu.

KEMUDAHAN ASAS DI KAMPUNG TRADISIONAL

19. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan rancangan Kerajaan untuk menentukan supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional di kawasan pedalaman akan dapat kemudahan-kemudahan bekalan air dan letrik seperti mana yang dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di kampung-kampung baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Alias bin Md. Ali]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan akan terus berusaha agar semua penduduk luar bandar akan mendapat nikmat segala kemudahan asas seperti bekalan letrik dan bekalan air bersih.

Walau bagaimanapun, oleh kerana untuk mengadakan segala kemudahan asas secara sekaligus memerlukan peruntukan yang besar, maka Kerajaan terpaksa merancang pelaksanaannya secara berperingkat-peringkat, berdasarkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini, Kerajaan melalui Kementerian Kerjaraya telahpun memulakan pelaksanaan projek bekalan air luar bandar secara besar-besaran.

Projek yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$1,400. juta itu apabila siap nanti. akan dapat meningkatkan peratus liputan bakalan air bersih ke kawasan luar bandar daripada 58% sekarang ini kepada 72.8%.

Bagi bekalan elektrik pula, Kerajaan telahpun mengenalpasti. kampung-kampung di. luar bandar di setiap negeri. yang masi.h belum mendapat bekalan elektrik.

Mengikut Rancangan Malaysia Kelima ini, 260,000 buah rumah lagi. di kawasan luar bandar akan dapat dibekalkan dengan elektrik. Adalah dijangkakan, peratusan liputan bekalan elektrik di. kawasan luar bandar akan meningkat daripada 68% sekarang ini kepada 77% di. akhir Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menentukan supaya ladang yang di pecah-jual (fragntented estates), akan dapat kemudahan bekalan air, api elektrik, telefon awam dan perkhidmatan klinik bergerak (mobile clinics) sepertimana yang dapat dinikmati oleh kampung-kampung baru?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, semua kawasan akan diberi perhatian termasuk ladang-ladang sama ada yang di pecahkan atau yang tidak dipecahkan, di mana juga manusia tinggal kita akan cuba membina infrastruktur yang diperlukan, tetapi kawasan-kawasan yang jauh daripada kemudahan-kemudahan asas yang ada sekarang terpaksa bersabar sehingga Kerajaan mendapat peruntukan yang cukup untuk projek tersebut.

HUKUM SEBAT

20. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai pelaksanaan hukum sebat dari segi hukum Islam,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha telah dijalankan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat bukan sahaja mengenai hukum sebat, tetapi juga undang-undang jenayah dalam Islam melalui ceramah-ceramah, seminar-seminar, forum, penerbitan, risalah-risalah dan sebagainya, Usaha-usaha dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan-jabatan Agama Islam di negeri-negeri.

Sementara itu Jabatan Perdana Menteri telah mula mengadakan dialog dengan berbagai-bagai pihak untuk menerangkan perkara tersebut dan langkah ini akan diperluaskan kepada kumpulan Islam dan juga bukan Islam.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan berhubung dengan hukum sebat ini, saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dikenakan kepada mereka yang terlibat tidak kira agama?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, hukuman ini dikenakan kepada pesalah, ertinya kalau sekiranya yang bersalah itu seorang Islam, maka dia akan menerima hukuman. Adapun sama ada terkena atau tidak kepada yang bukan Islam, maka kedudukan yang diperuntukkan oleh pentadbiran hukum syarak ialah mengenakan hukuman kepada mereka yang beragama Islam. Mereka yang tidak beragama Islam boleh dibawa ke mahkamah sivil di atas kejadian itu sebagai kejadian yang dimasukkan di bawah undang-undang sivil sebagai mengganggu atau menghina, sekiranya terdapat pengaduan.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan, Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah ini juga merangkumi kepada hukum sebat mandatori di jel mengenai jenayah-jenayah besar, umpamanya seperti pengedar dadah dan lain-lain hukuman yang ada berkaitan dengan hukum sebat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau diteliti undang-undang yang telah diluluskan dalam Parlimen dalam tahun 1985 dahulu, jelas ini adalah hanya merupakan sebagai satu tambahan peruntukan yang diberikan oleh Parlimen kepada pentadbiran hukum syarak di negeri-negeri. Dan sudah tentu hukuman ini dikenakan dalam konteks kejadian yang dinamakan jenayah, yang dilihat daripada kaca mata Islam seperti mukadimah ataupun perbuatan-perbuatan yang boleh menimbulkan kepada kejadian yang lebih buruk seperti perzinahan dan sebagainya. Perkara ini telah dibuat

pentafsiran oleh pentadbiran hukum syarak di negeri-negeri iaitu ia berbeza dengan undang-undang sebat yang dijalankan oleh mahkamah sivil kerana dalam definisi yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah ialah sebat yang telah digariskan oleh Islam, iaitu cara-cara sebatan yang berbeza dengan yang dibuat di Mahkamah Sivil. Di Mahkamah Sivil hukuman ini ternyata ia lebih menyakitkan dan apabila dirujuk kepada ajaran Islam ia didapati merupakan sebagai hukuman yang lebih bersifat pengajaran daripada penyiksaan dan dalam satu persidangan di antara Mufti-mufti di seluruh Malaysia telah digariskan satu panduan iaitu mestilah disediakan satu kaedah hukuman sebat menurut kaca mata Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir kaedah itu perlu saya sebutkan di sini kerana ia panjang, tetapi ringkasnya ialah ia merupakan sebagai hukum takzir bukan hukum hudud. Hukum takzir ialah hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim berdasarkan kepada keadaan dan ia tidaklah secara terperinci disebutkan oleh Al-Quran, dan ia bukan hukuman hudud sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Al-Quran seperti sebat yang berjumlah sebanyak 80 atau 100 kali kerana kes yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah ini ialah di sekitar hukum takzir sahaja.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan, mengenai hukum sebat ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kita terpaksa mengrecruit, dengan izin, tukang sebat ini dan juga soalan yang lain, apakah jenis rotan yang kita gunakan untuk menyebatnya di masa ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, dalam kaedah yang telah saya sebutkan tadi tidak dapat saya huraikan, ada kita menyebutkan satu panduan terhadap mereka yang akan menjalankan hukuman ini iaitu mereka ini tidak boleh

rasa geram, hendak marah. Kalau sekiranya mereka geram dan hendak marah mereka sebat orang, mungkin perbuatan itu boleh menyebabkan penyiksaan, ini adalah kaedah dalam Islam iaitu orang-orang yang menyebat hendaklah orang yang waras dan mereka dilatih bagaimana cara hendak menyebut kerana ini menggambarkan bagaimana rasionalnya Islam itu bila menjatuhkan sesuatu hukuman, ia bukan agama yang kejam dan hukumannya pun bukan hukuman yang kejam, tetapi ia merupakan pengajaran, di samping memberikan kesakitan yang harus diterima sebagai satu pengajaran.

Selain daripada rekrut tadi ertinya kita boleh rekrut setelah kita latih mereka. Kalau Yang Berhormat ada berminat untuk menjadi tenaga ini boleh kita beri latihan [Ketawa].

Mengenai dengan alat yang digunakan, garis panduan yang telah kita persetujuan ia juga terpaksa menggunakan alat-alat yang tertentu sahaja dan saiznya pun terhad, bukan sebarang bahan boleh kita ambil dan bahan itu ialah boleh diambil seperti rotan yang panjangnya adalah tidak begitu panjang, tidak begitu pendek dan saiz lilitannya pun sederhana.

AKTA PENJAGAAN KANAK-KANAK 1961

21. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bolehkah Kerajaan mengubah/meminda Akta Penjagaan Kanak-kanak, 1961 untuk memberi kuasa yang saksama ke atas penjagaan kanak-kanak kepada ibu-ibu.

39. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Akta Jagaan Anak-anak 1961 (The Guardianship of Infants Act, 1961) dengan memperuntukkan kuasa penjagaan (guardianship) di sisi undang-undang kepada si ibu apabila beliau diperuntukkan dengan hak menjaga (custody) anak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin

Gun]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon pada hari ini kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Buat masa sekarang ini, Kerajaan belum ada cadangan untuk meminda Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 bagi peruntukan khas penjagaan (guardianship) dengan izin, di sisi undang-undang kepada si ibu oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan yang tersebut di dalam Akta tersebut adalah berpatutan.

PENDAKWAAN ATAS INDIVIDU

22. **Dato' Dr K.S. Nijhar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah menjadi amalan pihak Peguam Negara mendakwa seseorang individu sebelum penyiasatan ke atasnya selesai, dan tanpa terlebih dahulu memastikan bahawa dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak penuntut itu benar-benar berasas atau tidak, dan dalam pada itu menyembunyi kan segala dokumen-dokumen yang sebenarnya daripada pihak-pihak yang berkenaan, dan kalau begitu, sama ada amalan ini selaras dengan pembentukan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Dato' Oo Gin Sun: tuan Yang di-Pertua, pihak Peguam Negara tidak menjalankan pendakwaan sebelum penyiasatan selesai. Ini termasuk meneliti semua dokumen-dokumen yang dikemukakan di dalam

siasatan sesuatu kes itu untuk menentukan sama ada pihak pendakwa mempunyai keterangan yang cukup untuk mendakwa. Menyembunyikan dokumen bukanlah suatu amalan pihak Peguam Negara. Pihak Peguam Negara akan mengemukakan semua dokumen kepada Mahkamah yang boleh membantunya bagi membuktikan kesalahan terhadap yang dituduh.

FELDA - PENEROKA DI RANCANGAN SAWIT

23. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilakah FELDA akan menyelesaikan hasil yang belum dibayar kepada peneroka kerana lambat menyerahkan dua ekar lagi kawasan ladangnya, yang hasil itu dikutip oleh FELDA selama tiga tahun, .saya difahamkan 24 rancangan di seluruh negara termasuk beberapa rancangan FELDA di Gugusan Taib Andak Johor yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar FELDA, peneroka-peneroka di rancangan sawit diberikan tanah seluas tidak kurang daripada 10 ekar. Daripada segi pelaksanaannya, terutama sekali bagi rancangan-rancangan yang dimajukan dalam tahun enam puluhan, adalah didapati beberapa rancangan yang luas kawasan diperuntukkan kepada peneroka adalah kurang daripada 10 ekar. Oleh yang demikian, FELDA telah memajukan kawasan tambahan bagi rancangan-rancangan yang berkenaan supaya peneroka dapat memperolehi kawasan ladang tidak kurang daripada 10 ekar. Kawasan tambahan ataupun rezab ini dimajukan terkemudian daripada kawasan utama.

Mengikut peraturan FELDA, pembangunan kawasan tambahan atau rezab ini akan diberikan kepada peneroka setelah ladang tersebut mengeluarkan hasil dan juga kos yang diperlukan bagi memajukan kawasan tersebut telah dapat dijelaskan. Dengan cara ini, peneroka tidak akan dibebankan dengan bayaran kembali yang tinggi, di samping dapat memperolehi pendapatan dairipada kawasan rezab bagi menambahkan lagi pendapatan mereka dari ladang kawasan utamanya.

Peraturan mengenai perkara ini. telahpun dijelaskan kepada semua peneroka terlibat di mana mereka telah diberitahu bahawa hasil ladang yang dikeluarkan dan diperolehi sebelum daripada kawasan itu diberikan kepada peneroka, tidak digunakan oleh FELDA untuk faedahnya, tetapi adalah digunakan bagi mengurangkan ataupun membayar balik kos pembangunan kawasan yang berkenaan. Oleh yang demikian, tidak ada apa-apa peruntukan atau keuntungan ataupun hasil yang telah diperolehi daripada kawasan rezab itu yang perlu dikembalikan kepada peneroka-peneroka.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah pula pada rasa penyerahan tanah kepada peneroka-peneroka sebanyak 8 ekar itu sedangkan kawasan asal masih ada lagi, yang sepatutnya diberikan kepada peneroka tetapi tidak diberi jumlah sedemikian. Jadi, hasil yang dikutip oleh FELDA itu sepatutnya dikembalikan kepada peneroka yang berkenaan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi yang 2 ekar itu adalah tambahan kepada yang 10 ekar. Oleh yang demikian, terpaksa dimajukan oleh FELDA kawasan 2 ekar tambahan itu terlebih dahulu. Apabila kos-kos perbelanjaannya sudah dikembalikan, sudah dibayar balik, baru diserahkan kepada peneroka kerana ini akan meringankan bebanan bayaran kembali peneroka.

PLAZA TOL DI JALAN IPOH

24. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah benar bahawa Kementerian Kerjaraya akan mengadakan Plaza Tol di Jalan Ipoh menghala ke pekan Batu Lima dan di Jalan Ipoh menghala ke bulatan Kepong bertentangan dengan Taman Kok Lian. Jika benar, bilakah Plaza Tol itu akan didirikan dan berapa bayaran yang akan dikenakan kelak.

Dato' S. Samy Yellu: Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan akan membina sebuah lagi Plaza Tol di Jalan Ipoh. Kadar bayaran tolnya adalah sama dengan kadar di plaza yang sedia ada. Pembinaannya dijangka siap dalam masa 4 bulan lagi.

KAMPUNG BARU MENDUDUKI TANAH REZAB MELAYU

25. **Dr Nordin Selat** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada betul atau tidak beberapa kawasan kampung baru yang wujud zaman darurat dahulu melibatkan tanah rezab Melayu. Kalau betul, sudahkah tanah-tanah ini digantikan, sila beri contoh.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Ng Cheng Kuai]: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat sebilangan kecil kampung-kampung baru yang wujud semasa darurat dahulu yang menduduki tanah rezab Melayu. Sebagai contohnya, terdapat di Daerah Larut Matang, Kuala Kangsar serta Hulu Perak di negeri Perak dan Daerah Jempoh, Kuala Pilah serta Jelevu di Negeri Sembilan. Bagi negeri Perak, tanah rezab Melayu yang terlibat telahpun dikeluarkan dari kawasan yang diwartakan. Buat masa kini Kerajaan Negeri sedang menguruskan tanah-tanah yang sesuai bagi menggantikan tanah rezab Melayu yang dibatalkan. Di Negeri Sembilan pula tanah-tanah yang terlibat adalah merupakan tanah-tanah milik persendirian orang-orang Melayu.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk menggantikan tanah-tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 58 adalah diberi dalam Lampiran "A"]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986) 1987****Bacaan Kali Yang Kedua****3.45 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$130,606,410 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya oleh Akta Perbekalan 1986 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1986 adalah berjumlah \$392,105,310 tetapi sebanyak \$130,606,410 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$262,498,900 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan-tambahan besar yang diminta diluluskan di bawah Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Sebanyak \$60.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia untuk menampung pembayaran tunggakan bagi pindaan gaji permulaan Konstabel Polis yang dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1983 dan juga untuk menampung pertambahan gaji bagi anggota Polis dari pangkat Konstabel sehingga Sub-Inspektor yang telah diselaraskan semula mulai 1hb Julai, 1985, mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985.
- (2) Sebanyak \$36.3 .juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Tambahan ini adalah dikehendaki untuk diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dari hasil bersih loteri.
- (3) Sebanyak \$24.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menampung bayaran tunggakan caruman bantuan kadar kepada Pengusaha-pengusaha Tempatan sehingga tahun 1986.
- (4) Sebanyak \$8.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung kekurangan-peruntukan bagi membiayai bayaran gaji dan elaun kakitangan sambilan, perbelanjaan pengangkutan, perkhidmatan iktisas, percetakan, sewaan, perhubungan, utiliti, kemudahan dan lain-lain berkaitan dengan perjalanan pilihanraya umum pada 2hb dan 3hb Ogos, 1986.

Yang Lain-lainnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan tambahan-tambahan kecil di bawah Maksud B.44 Kementerian Penerangan dan B.63 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebanyak Kertas Perintah No. 7 Tahun 1987 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 7A Tahun 1987.

Dengan tambahan sebanyak \$130,606,410 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1986 berjumlah \$14,339,705,210. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$8,437,950,900 maka jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1986 menjadi \$22,777,656,110.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang diPertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.51 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan satu Rang Undang-undang mengenai belanja tambahan yang diminta oleh pihak Kerajaan, maka saya berdiri di Dewan ini untuk memberi sokongan supaya Rang Undang-undang ini diberi kelulusan. Namun demikian, setiap kali kita membahaskan sama ada Belanjawan Penuh atau Belanjawan Tambahan seperti yang dibentangkan sekarang ini untuk diberikan kelulusan, di Dewan yang mulia ini kita perlu memberi sedikit sebanyak pandangan, teguran dan nasihat kepada pihak Kerajaan supaya setiap pelaksanaan dasar, setiap pelaksanaan kerja, setiap pelaksanaan tuntutan rakyat jelata dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, terutama sekali Belanjawan Tambahan yang diminta ini termasuk sebahagian daripadanya ialah untuk menunaikan janji-janji pilihanraya umum yang baru lalu dan janji-janji pilihanraya umum yang telah lalu yang

dapat dilaksanakan sedikit demi sedikit.

Kebetulan sekarang ini negara masih menghadapi kelembapan dan kemelesetan, maka mahu tidak mahu kita terpaksa mengakui bahawa semua janji-janji, semua kandungan manifesto yang dikemukakan oleh Kerajaan kepada rakyat di dalam pilihanraya, tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, saya percaya dan insya Allah, dengan ketabahan pucuk pimpinan Kerajaan, Ketua Kerajaan, jentera Kerajaan, tenaga pelaksana Kerajaan yang mempunyai rasa sedar dan insaf bahawa nasib negara dan bangsa kita terletak di tangan kita, selain daripada takdir Allah subhanahu wataala, sedikit demi sedikit dalam keadaan kelembapan ini, dapat kita atasi, dapat kita selesaikan dan inilah bukti dan tandanya bahawa sehingga Belanjawan yang kita telah putuskan setiap hujung tahun memerlukan kepada tambahan. Ini bukti bahawa Kerajaan masih meneruskan usaha-usaha melaksanakan dasar-dasarnya, melaksanakan janji-janjinya kepada rakyat yang memberikan kepercayaan kepada Kerajaan akan terus melaksanakannya dan akan terus menunaikannya sekalipun di dalam keadaan kemelesetan yang begitu teruk yang dihadapi oleh negara dua, tiga tahun yang lalu.

Kita berdoa kepada Allah subhanahu wataala moga-moga kemelesetan ini akan dapat dikurangkan dengan adanya mulai cerah hasil mahsul negara kita seperti minyak, getah, bijih timah, kelapa sawit dan sebagainya mula menggambarkan satu keadaan yang baik dan dalam setahun dua lagi, insya Allah keadaan yang menyelubungi negara ini akan cerah seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dalam Anggaran Belanjawan Tambahan yang dipohon ini hanya menyentuh kepada

beberapa perkara, iaitu B.4, B.14, B.30, B.36, B.44 dan B.63 dan perkara ini saya sedar bahawa sebahagian daripadanya ialah untuk melaksanakan perancangan yang sedapat-dapatnya ditunaikan sebelum 2hb dan 3hb Ogos yang lalu untuk menghadapi pilihanraya dan \$8,482,000 ini. diperlukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk menghadapi pilihanraya yang lalu untuk belanja-belanja tambahannya, maka saya ingin bercakap di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyentuh beberapa perkara di dalam perkara-perkara yang diminta belanja tambahannya untuk diluluskan oleh Dewan ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan lari daripada ucapan saya yang mula-mula ini ialah untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, mengucapkan terima kasih kepada jentera pelaksanaan Kerajaan yang telah menampakkan satu tanda menerima hakikat bersih, cekap dan amanah dan adanya kepimpinan melalui teladan dan dapat mengelak dan dapat mengurangkan penyakit tertua di dunia, iaitu rasuah, namun demikian, saya tidak akan lari pula, kalau saya tidak menyentuh perkara-perkara itu di dalam membahaskan ucapan saya mengenai dengan Belanjawan Tambahan ini, mengenai kecekapan, kebersihan, kepimpinan melalui teladan, rasuah dan sebagainya di dalam jentera Kerajaan.

Sungguhpun perkara ini kita tahu bahawa memang tidak dapat dielakkan, "gading mana yang tidak retak, bumi mana yang tidak akan ditimpa hujan". Undang-undang derai undang-undang kita luluskan di Dewan Parlimen, peraturan demi peraturan kita pinda, namun melalui akhbar-akhbar, kejadian-kejadian yang tidak menyeronokkan, kejadian-kejadian yang melanggar tatasusila, kejadian-kejadian buruk yang melanggar undang-undang masih terus berlaku di dalam masyarakat kita, terutama sekali daripada mereka yang diberi tanggungjawab di dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Sebagai orang awam di luar Dewan saya merasa dukacita dan ramai rakyat yang merasa dukacita dengan keadaan yang seperti ini. Baru-baru ini saya terbaca ucapan seorang pemimpin mengatakan bahawa makin banyak orang-orang cerdik pandai keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri makin banyak di kalangan mereka itu yang menjadi penyamun dan perompak. Minta izin, Tuan Yang di-Pertua, kalimat itu kalimat yang kasar bahasanya, tetapi itulah keadaan yang berlaku sekarang ini. Makin banyak orang pandai makin banyak berlaku penyelewengan yang diberikan amanah untuk dilaksanakan oleh mereka,

Jadi orang kampung, orang di FELDA, orang di hulu~hulu, orang di ladang-ladang, orang di desa-desa, di kampung-kampung terbiar, membaca suratkhbar dua tiga hari sekali terbaca berita-berita yang semacam ini apa hendak jadi dengan negara kita. Makin lantang pemimpin kita bercakap bersih, cekap dan amanah, suratkhbar tulis dengan tulisan kasar kejadian-kejadian rasuah, tidak jujur di kalangan pegawai~pegawai Kerajaan sendiri. Di kalangan mereka yang diberi kuasa di tangannya untuk melaksanakan undang-undang.

Dan orang-orang di luar bandar, di kampung-kampung merasa terkejut apabila baca suratkhbar, dengar berita kejadian-kejadian ini dilakukan oleh orang-orang yang berpelajaran tinggi. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, menggambarkan bahawa bersih, cekap dan amanah yang makin dilaung-laungkan oleh pemimpin kita, oleh ketua Kerajaan kita nampaknya dipandang ringan oleh setengah-setengah daripada

kakitangan Kerajaan sendiri yang tamak yang haloba, yang tidak cukup dengan pendapatan bulanan, masih hendak mengkaot, masih hendak mengkaot. Hendak mengkaotpun boleh, hendak mengkaotpun boleh, hendak mencapluk pun boleh hak orang lain masuk kecek dia hingga berlaku keadaan-keadaan seperti itu,

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara. kita ada beribu~ribu lagi anak-anak yang sudah keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang disebut menara gadingkah, menara emaskah, menara kacakah, di ulu-ulu kampung, duduk di kedai-kedai kopi tengok suratkhobar, baca kalau ada iklan kerja kosong. Yang sudah merasa jemu 3 tahun, 4 tahun keluar universiti tidak dapat apa-apa mula hendak ikut cakap Menteri Pertanian kita Yang Berhormat Dato' Seri Sanusi Junid hendak jadi siswazah tani, hendak jadi nelayan siswazah, hendak jadi penternak siswazah. Soalan saya hari ini keluar soalan pertama, saya fikir dapat jawapan yang memuaskan tetapi jawapan itu tidak memuaskan. Jadi, saya kena cakapkan hal ini di dalam perbahasan mengenai dengan belanja tambahan ini.

Sungguhpun mengenai. pertanian tidak ada di dalam perkara yang dibentangkan di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, Tuan Yang di-pertua, tetapi saya boleh menyentuhnya dalam perbahasan ini. Bagaimana kita hendak menjadikan seorang siswazah tani kalau seorang siswazah tani hendak mengerjakan sebidang tanah hendak menanam padi empat ekar. Pergi Tanjung Karang orang yang tanam padi empat ekar dia dapat berapa ringgit satu musim setelah ditolak upah menanam, setelah ditolak upah membaja, membeli baja, ditolak sewa Kubota tinggal 550 satu musim. Betul pendapatannya \$800 satu musim,

tetapi tolak itu, tolak ini tinggal \$80. Sebab itu penanam-penanam padi di Tanjung Karang apabila padi dia sudah ditabur, padi dia sudah mulai bunting, padi dia sudah mulai kembang dia akan pergi ke tempat lain, ke projek-projek perumahan, pergi ke estet-estet untuk mencari kerja sambilan. Ada yang pergi ke Kuala Selangor untuk mengambil upah memungut kerang, jadi nelayan sambilan dan sebagainya.

Kalau mengharapkan menanam padi sahaja anak dia mungkin tidak boleh pergi ke sekolah, apa lagi kalau sekolahnya jauh daripada rumahnya yang perlu tambang bas, belanja bulanan dan sebagainya. Sebab itu banyak orang-orang kita meninggalkan sawah padi kerana tidak yakin dan memang pendapatan penanam padi kalau semata-mata bergantung kepada sebidang sawah empat ekar menanam padi, dia tidak akan sempurna hidupnya seperti keluarga yang lain. Kecuali kalau dia ada sekeping lagi kebun kelapa yang di bawa pokok kelapa itu ada koko, di bawah pokok koko itu ada pula dua tiga ekor kambing biri-biri, ada pula itek darat, ada pula lagi ayam 50-60 ekor inilah yang boleh menampung penghidupan dia. Tetapi kalau semata-mata mengharapkan menanam padi seperti contoh yang ada di Tanjung Karang itu, itulah yang menyebabkan beribu-ribu anak-anak muda Tanjung Karang berduyun-duyun menuju ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja.

Sebenarnya bukan Kuala Lumpur yang dituju tetapi tepi-tepi Kuala Lumpur, di perumahan haram di sekitar Kuala Lumpur, ertinya masih di Selangor juga. Tetapi apabila balik ke kampung dia cakap duduk Kuala Lumpur. Baik yang datang dari negeri Johorkah, baik dari Perakkah, dari Trengganu, dari Kelantankah, kalau hariraya balik kampung, dia kata duduk Kuala Lumpur. Tetapi saya duduk di

Selangor rupanya orang ini di bawah Bukit Belacan, di bawah Bukit Melawati sana. Bukan di Kuala Lumpur. Kalau Kuala Lumpur yang ada berpuluh-puluh batu persegi ini hendak menampung berapa orang. Jadi, kita hendak menyekat ini mana boleh. Kita hendak sekat orang-orang ini hendak cari sara hidup, tidak boleh.

Sehingga sekarang ini. apabila kemelesetan melanda kita tengok anak~anak muda kita membuka warong-warong, membuka gerai. Tabik-tabik cakap gerai/warong sekarang ini 10 depa satu, 10 depa satu, 10 depa satu. Jual air kelapa muda semua kelapa muda. Jual tebu semua air tebu. Jual goreng pisang semua goreng pisang. Tetapi mereka yakin bahawa hanya dengan itu dapat melaksanakan cita-cita hidup untuk menampung penghidupan. Kita tengok berapa banyak siswazah kita, anak-anak kita yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi membuka warong. Sebab sudah tidak ada kerja lain. Tiga tahun menganggur.

Sekarang kalau kita cakap menganggur pula orang sudah buat istilah macam-macam penganggur. Jadi, bagaimana siswazah-siswazah ini tadi hendak kita serapkan mereka menjadi petani-petani. siswazah? Ertinya petani-petani yang mempunyai kelulusan, petani-petani yang lulus Sarjana Muda Sains, dengan sepertimana rancangan yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Pertanian sewaktu menjawab soalan saya tadi, daripada sekian ribu orang yang ada daripada 14 buah negeri dalam Malaysia, Kelantan dijadikan sebagai model yang membuat usahasama dengan Jepun. Syabas kalau ini berjaya. Tetapi soalnya kalau siswazah ini mempunyai anggapan, kalau bekerja dengan Kerajaan atau dengan swasta pada bulan yang pertama dia menerima gaji empat angka,

dan kalau dia menjadi petani enam bulan yang pertama sehingga padinya masak dia tidak menerima tiga angka, bagaimana? Bagaimana kita hendak meyakinkan kepada mereka.

Sebenarnya kita nampak kalau kita tengok tidak usah kita katakan tanam padi, tanam pokok rumbia pun boleh jadi saudagar. Tanam pokok rumbia daripada pokok rumbia itu dijadikan ladang, di usahakan jadi sagu rumbia. Dan ini sudah dibuat beratus-ratus tahun oleh salah satu keturunan bumiputera dalam negara ini dalam mengusahakan sagu rumbia.

Kalau di Batu Pahat sana kita tengok di Tongkang Pechah, kilang sagu rumbia ini bukan kecil yang menampung perbekalan sebahagian besar daripada sagu rumbia yang diperlukan di seluruh negara. Tetapi takkanlah pula siswazah kita hendak suruh buka kilang sagu rumbia, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata ini Kerajaan sudah teruk, kalau begitu. Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 37(1) mengenai berucap atas perkara yang tidak kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini. Jadi, minta maaf saya, cuba balikkan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil itu kerana di dalam ucapan belanjawan ini kita boleh menyentuh sebanyak sedikit. Jadi, saya hendak menguatkan hujjah saya supaya rancangan itu benar-benar dapat dilaksanakan. Itu mengenai dengan pertanian, mengenai dengan ternakan begitu juga, dengan nelayan begitu juga, saya pinta kepada Kerajaan supaya menyelesaikan perkara ini tidak seibarat untuk melepaskan batuk di tangga. Dibuatkan perancangan yang -betul-betul kerana yang terlibat ini anak-anak kita, bukan anak-anak orang lain, rakyat-kita, bukan rakyat negara lain.

Tuan Yang di-Pertua saya masuk kepada B.14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang minta diluluskan belanja tambahannya \$24,351,000. Kalau saya baca tuntutan \$24,351,000 ini, ialah dikehendaki untuk menjelaskan tunggakan carumah bantuan kadar dan bantuan tahunan atau grant kepada Penguasa-pengusaha Tempatan iaitu Majlis-majlis Daerah, Majlis Bandaran dan sebagainya. Kita mula kenal kepada Kerajaan Tempatan, kalau dulu kita kenal kepada Town Council, Local Council, kemudian sekarang ini apabila kita mengemaskan semula Akta Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan

Haji Shaharom cakap dulu dalam Dewan ini. Suratkhobar sabar dulu, jangan ambil gopoh-gopoh, tolong jaga imej Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita tidak mahu adakan pilihanraya dalam Town Board, dalam Majlis Daerah, sebab kalau rasa gelisah rakyat ini kita bukakan dalam pilihanraya, diadakan pilihanraya Majlis Daerah, adakan pilihanraya macam dulu, Town Council, Town Board, assalammualaikum, jawabnya. Jadi, ini kita kena betulkan. Biarlah Dewan yang tinggi ini bercakap mengenai dengan Majlis Daerah yang paling rendah, kerana saya sekarang tidak berpeluang duduk di situ. Sudah jadi Senator, tidak boleh duduk di Majlis Daerah, Tuan Yang di-Pertua. Ini memang kerana peraturankah, undang-undangkah, atau kerana untuk memberi peluang orang lain duduk di situ, saya tidak tahu. Dulu pernah saya duduk di situ, saya bising, saya bising, saya bising, kereta saya kena cakar. Apabila saya bising, saya bising, saya bising depan rumah saya 3 bulan sekali longkangnya di korek. Apabila saya tidak jadi. Ahli Majlis Daerah longkang di~korek setahun sekali menjelang bulan puasa. Kenapa menjelang bulan, Puasa? Kerana sebulan selepas itu bayaran lebih masa pun sampai untuk hariraya. Fahamkah Tuan Yang di-Pertua tentang masalah ini?

Saya mencadangkan apa salahnya kalau sekarang kita sudah boleh swastakan Telekom, dan tidak lama lagi ada ura-ura hendak swastakan pelabohan, ada hendak swastakan keretapi., ada hendak swastakan jabatan-jabatan yang lain, ini Majlis Daerah. yang sudah tentu ada hasilnya, yang sudah tentu orang bayar cukai, yang sudah tentu kalau orang tambah buat atap untuk letak kereta pun boleh kena saman, runtuh, ini sudah tentu ada hasil - swastakan khidmat Majlis Daerah

Kerajaan Tempatan ini, diwujudkan Majlis Daerah yang ahli-ahlinya dilantik oleh Kerajaan untuk bermesyuarat. Diambil daripada orang-orang ternama dalam daerah itu dan kadang-kadang tidak ada pula orang itu duduk di dalam kawasan Majlis Daerah pun dilantik juga

Walauapapun kita bersetuju dengan cara Kerajaan melaksanakan sistem Majlis Daerah untuk menggantikan yang dulunya yang dinamakan Town Board untuk melicinkan lagi, untuk mengemaskan lagi dan tujuan yang paling penting di dalam mengemaskan Kerajaan Tempatan ini ialah untuk memberikan khidmat yang baik kepada rakyat yang duduk di Majlis-majlis Daerah itu sendiri. Kalau Majlis-majlis Daerah itu menuntukan pula pungutan cukai pintu 16%, 20% daripada cukai taksirannya, daripada taksiran, yang dibuat dan dikenakan lagi cukai-cukai yang lain, dikenakan lagi cukai tanah dan beberapa peraturan-peraturan, undang-undang yang dikenakan kepada penduduk-penduduk di dalam semua Majlis-majlis Daerah, kita berharap supaya khidmat Majlis Daerah ini kepada rakyat yang membayar cukai seimbang.

Tuan Yang di-Pertua duduk di Kuala Lumpur, di bandaraya, tetapi saya duduk di majlis daerah yang longkangnya tersumbat, yang sampah-sarpunya bersepah-sepah, yang anjing tidak berlesennya berkeliaran, yang nyamuk berdengung daripada mulai pukul 6.00 petang, yang kadangkala hujan 3 jam mulai banjir mengejut. Beberapa tempat pula saluran-saluran najis pecah dibiarkan sahaja dan berlaku pula pekerja-pekerja Majlis-majlis Daerah ini tuang, ponteng, tidur di bangunan-bangunan buruk. Itu suratkhbar tidak tulis, kalau suratkhbar tulis, suratkhbar jumpa, boleh ambil gambar dekat masjid buruk, dekat rumah rukun tetangga, orang-orang Majlis Daerah pukul 10.00 pagi sudah mulai tidur. Jadi, sebelum orang suratkhbar buat,

ini supaya puas hati orang yang bayar cukai, puas hati rakyat yang bayar cukai tahunan, cukai pintu, cukai gerai dan sebagainya. Kalau khidmatnya tidak memuaskan hati, kalau khidmatnya tidak menyukakan, tidak menyenangkan, tahun depan kita cari kontraktor pemborong lain untuk membersihkan kawasan itu.

Jadi, daripada diberi gaji bulanan dan sekarang ini masih ada pencen daripada buruh-buruh Majlis Daerah ini, kadang-kadang ada di antara buruh Majlis Daerah ini yang pukul 11.00 sudah jual ice-cream di pintu sekolah. Ini saya boleh buktikan. Saya bercakap keadaan yang sebenar, Tuan Yang di-Pertua, Sepatutnya pukul 2.00 baharu habis kerja, pukul 12.00 dia sudah potong rumput untuk lembu dan kambingnya, Ertinya, sudah tinggalkan tugasnya. Apakah tiugas buruh Majiis Daerah ini hanya pukul 6.00 pagi. sampai pukul 7.00, kadang-kadang masih gelap, pukul 5.30 sampai pukul 6.00 dia tarik bakul, tarik bungkusan plastik, isi sampah untuk dikumpulkan dalam satu bakul di persimpangan jalan, pukul 9.00 lori sampai diapun hilang. Adakah tugasnya cuma 1 jam menarik sampah itu sahaja, sedangkan gaji yang kita bayar 8 jam, satu jam tarik sampah,yang 7 jam buat apa?

Tolong bersihkan ini, tolong cekapkan dalam masalah ini., tolong jaga amanah ini., duit yang minta ditambah sekian ratus ribu ini kemungkinan sebahagian daripadanya untuk menambah itu. Kalau surat-khabar mingguan merata-rata tulis mengenai dengan lecehnya Majlis-majlis Daerah ini memungut sampah. Kadang-kadang sampah yang dilonggokkan itu 5 kaki daripada tingkap rumah, bau kepala udang yang sudah 3 hari tidak diangkat, rasakan sahajalah. Jadi kalau ada di rumah itu perempuan yang mengandung, dia akan terus muntah.

Jadi kalau nanti penduduk-penduduk Majlis-majlis Daerah ini mengadu tikus banyak, Menteri yang berkenaan kita adakan gotong-royong bunuh tikus. Gotong-royong di kampung-kampung tradisional boleh membersihkan tanah wakaf, membersihkan mesjid, membersihkan surau, madrasah, tetapi. kalau di taman-taman perumahan, di projek-projek perumahan, kita tengok ada gotong-royong berjalan, berjaya kerana ada Menteri datang, kerana Menteri Besar datang, kerana diberi baju 'T', kerana ada topi seragam, kamera TV pula datang, ramai. Kita kerah anak-anak Bulan Sabit, anak-anak di dalam Pertubuhan Pengakap untuk sama, tetapi penghuni di kawasan itu sendiri dia tengok daripada celah tingkap, kita bayar cukai tahun-tahun makin lama makin naik, fasal apa gotong-royong. Terpaksalah Jabatan Perpaduan Negara melancarkan kempen Semangat Kejirananlah, itulah, inilah, pengerusi Perhubungan Masyarakatlah, tetapi kerana penduduk di satu-satu taman perumahan yang membayar cukai sampah, yang membayar cukai pintu, yang membayar cukai jamban merasa dia berhak menerima daripada cukai yang dibayar itu, perkhidmatan yang baik kepada mereka dan keluarganya. Jadi patut kita betulkan.

Saya berjalan ke mana-mana pekan, bandar dalam negara kita. Saya tengok begitulah, makin ada dua tiga tong yang besar diletakkan, makin banyak sampah. Kalau tidak ada tong, dia pakai keranjang sahaja, dalam keranjang itu sampah yang diisi dalam plastik warna merah jantbu bergoleklah plastik itu disepak oleh anak-anak macam bola raga, bertaburan sampah itu kerana apabila malam, anjing-anjing liar pun mulalah mencakar dan bertaburanlah pagi esok.

Tidak usahlah kita gambarkan Dayabumi itu cantik berkilat memancar-mancar, Menara Dato' Onn cantik kilat memancar-mancar tetapi di persimpangan Jalan Raja Abdullah, di Jalan Watson begitu begini sampah berlonggok. Tidah usahlah digambarkan bahawa keris yang terpacak di Jalan Kelang waktu sempena Jubli Perak Sultan Selangor cantik memancar-mancar, bangunan supermarket di Kelang itu memancar, dua jambatan berkilat tetapi di sebalik jambatan itu sampah berlonggok-longgok.

Jangan tengok Pantai Morib airnya biru tetapi singgah di pekan Banting, di pekan sari, tengok apa baunya. Jangan cuba pergi ke Pantai Cinta Berahi sahaja, tengok di lorong-lorong jalan di Kota Bharu macam mana. Jangan sedap-sedap sahaja pergi ke Pantai Rantau Abang tetapi tengok di celah-celah bangunan di bandar Kuala Terengganu bagaimana. Jangan sedap-sedap tengok di Pantai Batu Buruk, tengok di celah-celah perumahan di bandar Kuantan macam mana. Jangan tengok Selat Teberau, jangan tengok kupang sahaja di Pantai Lido tetapi tengok bagaimana perumahan di Jalan Pahang, di Tampoi, Batu 5, di Kampung Pasir dan sebagainya. Jangan sedap-sedap sahaja makan ikan bakar di Melaka, di Serkam teetapi tengok bagaimana celah-celah di Jalan Tan Cheng Lock dan sebagainya.

Hendak saya sebut lagi? Saya boleh sebut tiap-tiap bandar kerana saya kaki berjalan, saya tengok ini dan saya bawa ke mari,

saya kumpulkannya dalam kepala saya. Kalau kita ada 70 Majlis Daerah, saya boleh sebut tiap-tiap satu, yang bau getah hapaknya, yang bau bajanya, yang bau kepala ikan busuknya.

Pergi ke Mersing sana tengok bagaimana dengan bau kepala ikan busuk. Mengapa lesen boleh dikeluarkan, lesen kilang yang mengeluarkan bau busuk diluluskan di tengah-tengah kawasan bandar, mengapa? Jadi kalau orang kampung yang bercakap, tidak tahulah, kita tidak sekolah tinggi, patut perancangannya tahulah. Angin busuk ini berapa batu boleh sampai ke hidung kita, sepatutnya kilang yang busuk ini mesti sekian batu jauhnya dairipada rumah kita, sepatutnya begitu. Bila sekarang diketahui, beribu-ribu kilang haram tegak hingga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor yang baru terpaksa mengeluarkan perintah memberhentikan bekalan air ke kilang-kilang haram.

Tiga puluh tahun telah merdeka, takkan kilang haram tidak nampak. Tidak nampakkah atau sengaja tidak mahu nampak. Dalam bahasa Arab ada mengatakan yang bermaksud "sengaja tidak mahu tengok, sengaja tidak mahu tahu", kerana ditutup oleh adanya gambar-gambar harimau, adanya rasuah yang berlaku. Tolong bersihkan ini. Banyak sekarang anak-anak siswazah yang lulus yang sentiasa mengintai kerja orang-orang yang dia tengok sedap dengan kereta, melaram ke sana, ke hulu, ke hilir, time kerja atau time tak kerja, dia akan tulis kepada BPR, BPR cekup, nanti baru tahu langit itu tinggi atau rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini panjang ceritanya kalau saya hendak ceritakan. Maka cadangan saya supaya Kerajaan membuat satu kajian supaya Majlis-majlis Daerah, Majlis Perbandaran diswastakan. Kalau sudah ada dalam ingatan Kerajaan, Alhamdulillah, bagus. Kalau sudah dirancang, bagus, kita tunggu pelaksanaannya kerana saya tengok ada

Majlis Daerah yang beli satu jeep air-con semua, buat round keliling 2-3 orang, macammana. Dibeli. satu jeep harga \$30,000-\$40,000, satu juru teknik naik, dia pusing sebulan tiga kali kawasan itu, Longkang tersumbat juga. Ini yang saya tidak mahu. Apa salahnya juru teknik naik Vespa, apa salah juru teknik naik Pasola, senang hendak berhenti di tepi parit yang tersumbat. Ini naik jeep Isuzu air-con, Tuan Yang di-Pertua, mana nampak parit tersumbat. Kalau Setiausaha Majlis Daerah pula, melengkung dengan Volvo 244, mana nampak longkang yang runtuh? Jadi kita kena buat kerja macam cara Abu Nawas. Pegawai-pegawai Kerajaan ini kalau perlu menyamar, menyamar, kalau hendak tengok. Jangan datang, "Saya Setiausaha Majlis Daerah", tentulah orang pun lantak awaklah.

Saya tidak mahu kerja seperti zaman penjajah, bersikap seperti zaman feudal. Jangan tunjuk lagak seperti zaman feudal, jangan tunjuk lagak seperti zaman kolonial. Kita sudah merdeka 30 tahun, jangan cakap sudah 30 tahun, anak yang lahir tahun 1957 sekarang sudah jadi pegawai. Saya berterima kasih kepada RTM kerana malam tadi buat satu drama 'Tetamu', anak yang lahir masa merdeka tidak kenal pejuang kemerdekaan, RTM buat lagi drama yang macam itu banyak-banyak supaya orang kenal bagaimana teruknya, bagaimana azabnya, bagaimana sengsaranya mahu merdeka. Apabila sudah merdeka, orang yang dapat nikmat merdeka, tepuk dada "saya pegawai". Apabila "saya pegawai" tepuk dada, tidak cukup dengan gaji, melakukan rasuah. Kena tangkap, cari orang politik minta tolong jamin. Kenapa ini berlaku?

Maksud B.36 - \$60,900,000 ketrana membayar tunggakan permulaan daripada pegawai-pegawai polis berpangkat rendah sehingga kepada konstabel. Dahulu satu masa, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap dalam Dewan ini mengenai Polis Di Raja Malaysia ini panjang. Saya minta supaya pihak Kerajaan menengok sungguhpun anggota-anggota Polis Di-Raja kita ini, polis atau mata-mata sekarang ini kalau masih ada lagi menyewa atau duduk di rumah haram - ini tidak betul. Perancangan kita adakan satu kawasan yang akan membesar penduduknya 60,000 orang memerlukan kepada anggota polis 80 orang, siapkan berek untuk 80 pintu. Tidak perlu lagi ada anggota polis kita yang duduk di luar. Begitu juga dengan askar kita yang duduk di luar menyewa kerana ini daripada segi sewa bahayanya banyak. Komunis tidak payah tanya, Sarjan anu pergi mana, tidak payah. Sambil dia jual ikan dia boleh tanya, Encik, tiga empat hari tidak nampak, mana pergi? Isteri itu sedia memberikan maklumat: Oh, Encik pergi operation. Sudah terbuka rahsia. Operation pergi mana? Orang perempuan kita, ini ikan murah sedikit, dia pun cakaplah, pergi hutan Gerik. Berapa hari? Setengah bulan. Apa hendak jaga? Jaga Lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita kawal orang ini, kita kurung. Kalau perlu ada sekolah anak-anak Polis, dirikan Sekolah Polis Di Raja macam PETRONAS buat - Sekolah PETRONAS. Kalau polis ini ada empat lima ratus orang anak-anaknya disekolah, buat sekolah asrama polis, kalau baiklah cara itu. Kalau tidak baik cara itu, biarlah dia bercampur dengan cara masyarakat. Jadi, kita kena fikir bagaimana dengan Sekolah PETRONAS yang dirancang hendak dibuat itu yang sudah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran. Saya masukkan situ sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebab walaupun tidak ada peruntukan,

perkara itu panas dibincangkan oleh masyarakat sekarang ini.

Balai-balai Polis yang tidak patut. Lagi diduduk. Pernah terjadi Balai Poiis di Beranang. Apa jadi. dengan Balai Polis Beranang? Orang boleh tembak sambil lalu, sampai beberapa selaras senapang boleh dirampas, ini balai polis. Saya tengok setengah-setengah balai polis lapang pada hal pasir kita banyak, bubuhlah tujuh lapan guni ke depannya itu. Jadi, kalau ada orang tembak peluru itu tersangkut dekat pasir, kalau belum sempat hendak buat tembok. Hari Polis akan dilancarkan, gotong-royong, isi pasir dalam guni banyak-banyak, buat benteng depan balai polis. Jangan sampai. lagi ada balai polis yang kena tembak macam yang bertaku di. Beranang beberapa tahun yang lalu sehingga senapang boleh dilarikan oleh orang jahat.

Satu perkara mengenai dengan anggota polis ini dan permintaan \$60 juta tambahan kerana gaji baru yang dibayar mulai 1.7.85, ertinya orang-orang polis, anggota-anggota polis sudah dapat: gaji baru tambahan, kerjalah baik-baik. Saya harap begitulah cakap orang kampung. Kerja baik-baik, kerja jujur, jangan tunjuk 'action', kata orang kampung, jangan tangkap Honda Cub yang tidak ada lampu, jangan tangkap Honda Cub yang nombor platenya pecah tetapi lori membawa muatan banyak-banyak itu pun tangkaplah sama. Jangan tangkap orang-orang kampung yang letak salah parking tetapi apabila kereta besar letak di tempat 'No Parking' pun biarlah sahaja kerana kereta itu kilat. Kalau lalu-lintas ini betul, semalam tidak mati 6 orang di Banting, tempat saya termasuk beberapa orang pekerja LLN. Petang semalam di Banting 'black out', api tidak ada dan beberapa orang LLN sedang hendak membetulkan api, terkorban dilanggar oleh lori yang bawa tanah kerana muatannya lebih, tekan brek tidak boleh kawal

steering. Macam mana hari minggu boleh bawa tanah? Ini curi tanahkah? Ada sindiket curi tanah, tolong tengok Pejabat Tanah. Patut hari minggu tidak boleh keluarkan tanah merah di mana-mana bukit: pun, barangkali ini curi tanah. Kalau curi tanah macam mana orang-orang Pejabat Tanah? Itulah panjaag ceritanya, Tuan Yang di-Pertua, oo sambung-sambung di antara satu dengan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya hendak membuat maklumat sekejap sahaja.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 6(3), saya ingin memberitahu Dewan ini, saya minta Yang Berhormat Tuan (Lt. Kol. (B)) Abdul Hamid bin Ibrahim mengetuai mesyuarat ini. buat sementara sampai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dilantik semula.

Dengan itu, saya jemput sekali lagi Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom untuk menyambung ucapannya.

[Lt. Kol. (B) Abdul Hamid **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bil kita ini tidak banyak, kita ada 5 hari dan saya takut nanti kita tidak habis mesyuarat kita mengikut yang dijadualkan.

Tahniah kepada Yang Berhormat Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim yang menjadi Pemangku Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bercakap mengenai gaji anggota polis berpangkat Inspektor dan Konstabel yang diminta sebanyak \$60,900,000 dikehendaki untuk menampung pembayaran tunggakan gaji pindaan gaji permulaan konstabel polis yang dikuatkuasakan mulai

1.10.83 dan juga untuk menampung pertambahan gaji bagi anggota polis dari pangkat Konstabel hingga Sub-Inspektor yang telah diselaraskan semula 1.7.1985 mengikut Pekeliing Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985.

Tuan. Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi, bekerjalah dengan baik, jujurilah dengan semangat 'Berkhidmat Untuk Negara'. Tanda atau Lambang berjabat salam "Sedia Berkhidmat itu dibuktikan betul-betul. Tuan Yang di-Pertua, kejadian ini kecil, barangkali yang membuat kelakuan ini pun sedikit daripada jumlah kalau tidak salah saya, 70,000 atau 80,000 anggota Polis Di-Raja kita, tetapi yang suka menahan lori, van, lori kecil di tengah-tengah jalan yang menerimasinggit dua ini yang buat kelakuan ini kecil tetapi. ini membusukkan nama anggota Polis. Saya berharap kepada pihak Kerajaan, kepada Menteri Dalam Negeri, kepada Yang Amat Berusaha Ketua Polis Negara supaya dapat menengok, dapat melihat. Kita malu kalau dijadikan perbualan di kedai-kedai kopi minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, sampai orang boleh bercakap mata-mata kita boleh dibeli dengan lima puluh sen.

Ini kalau Tuan Yang di-Pertua suka duduk di kedai kopi, menyamar, jangan datang sebagai Yang Berhormat. Senator, menyamar duduk di kedai kopi kita akan dengar. Sebab mereka yang suka menyeleweng, mereka yang tamak ini selagi manusia ini boleh dibeli pada mereka tak ada hal, selagi manusia ini gelap matanya memandang duit walau besar mana pangkatnya pada mereka tak ada hal. Maknanya masih boleh diajak kongsi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap lagi mengenai anggota polis ini, kalau 20 tahun dahulu kita tengok anggota polis ini sudah tua-tua sebab itu saki-baki. orang Darjah IV, Darjah V Sekolah Melayu, bekas SC, bekas AP, bekas Home Guard masa darurat masuk polis, masuk mata-mata, SC (Special Constable) pada masa itu hendak lawan komunis tua-tua. Sekarang anggota-anggota polis kita anak-anak mudayang rugged, yang gagah, cantik, tak ada cacat cela, mereka keluaran sekolah-sekolah menengah. Jadi, sepatutnya ada satu keseragaman di dalam melaksanakan tugas harian, terutama sewaktu mengadakan ronda.

Dahulu saya dengar Polis Diraja kita akan mengadakan satu jenis ronda yang ditiru macam mana di Amerika sana ada satu rancangan TV. Itu yang berlaku dekat TV di Amerika itu bintang filem. Jadi, polis-polis kita hendak ikut contoh macam bintang filem, kadang-kadang sampai ada polis kita berambut panjang, tidakkah seperti rambut polis biasa yang dipotong kontot begitu.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu mengadakan ronda ini memang kami anggota polis patuh kepada disiplin, tetapi kalau sambil meronda buka topi, hisap rokok, macam mana Tuan Yang di-Pertua? Tentu sudah melanggar disiplin. Di kedai kopi berdiri di kaki lima hisap rokok. Jadi, ini nanti budak-budak bercakap, orang-orang bercakap, mereka yang suka melepaskan diri daripada kawalan keselamatan ini tadi boleh bercakap. Inilah dia mata-mata kita yang boleh dibayar, yang boleh dibeli dengan 50 sen. Bahasa ini bukan bahasa yang saya ada-adakan, bahasa ini sudah lumrah didengar di seluruh negara. Orang Kota Bahru kata tok mata-mata 'samah'. Samah itu 50 senlah. Satu rial itu mahal sedikit. Ini masalahnya.

Ada sekatan jalanraya. Itu yang saya tengok sendiri yang ditahan berkali-kali. Saya sudah bercakap dalam Dewan ini yang ditahannya Morris Minor yang platnya BP. Cubalah kira BP ini tahun berapa? Tahun 1957 - Morris Minor kerana lampu kuningnya sudah kopak satu. Inilah yang menyebabkan dibawa ke tepi. Wak Aji yang baik motor sengit bawa nenas 4 biji.

Di atas jalanraya kita ini berapa banyak orang meronda. Macam-macam Jabatan mengadakan rondaan. Kempen Keselamatan Jalanraya diadakan, makin lebuhraya kerana lurus. Makin jalan kita baik, kereta lari makin laju, kemalangan makin banyak. Adakan Kempen Keselamatan Jalanraya dari zaman Allahyarham Tun Abdul Razak jadi Perdana Menteri sampai sekarang, kematian di lebuhraya makin banyak. Rompakan di jalanraya makin banyak. Betulah, takkan perompak hendak beritahu. Kalau perompak, hendak beritahu, itu perompak sudah tak betul kepalanya.

.Dahulu diadakan Balat Polis Air Hitam/Johor Bahru, dekat jalan maut Renggam. Sekarang pondok polis yang dekat Simpang Renggam itu-pun malu tengok. Lambang polis masih ada, tinggal tiang empat batang dengan atap dua keping. Tuan Yang di-Pertua tengoklah jalan hendak pergi masuk ke Safari yang sudah hancur - malu.

Semalam saya lalu di depan pondok polis yang begitu cantik. Tak ada apa~apa .pun diambil tindakan. Kereta langgar lampu merah menyala, berkejar-kejar, tak tahu apa yang dikejar, sama ada sama sama kongsi gelap berkejar-kejaran. Tolonglah kemaskan. Kalau kemas kerja kita, baik khidmat kita, insya Allah rakyat negara akan mengucapkan terima kasih dan kalau terkorban waktu berkhidmat, itu dikatakan terkorban kerana negara, berhak mendapat gelaran Perwira Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada satu perkara mengenai dengan yang diminta belanja tambahan oleh Kementerian Penerangan \$10 tanda untuk menghidupkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional yang telah dipindahkan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada Kementerian Penerangan yang berkuatkuasa mulai 16hb Oktober, 1986.

Mengenai FINAS ini dengan adanya ketua pengarahnya yang baru yang saya fikir seorang yang cergas, cubalah perhatikan bahawa FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional) ini betul-betul dapat mengisi kekosongan masyarakat. Dapat mengisi kekosongan dalam masyarakat kita mengenai dengan kemajuan perfileman dalam negara kita, jangan sehingga filem Ali Baba Bujang Lapok tak tahu hampir sepuluh kali ditayang. Ini mempengaruhi kepada budak-budak,

mempengaruhi kepada anak-anak yang menonton tengok bagaimana Ali Baba hendak buka gua baca semar ngising.

Sekarang dalam masyarakat kita orang sedang bergila-gila, Tuan Yang di-Pertua, pergilah ke seluruh Johor, sampai Perlis, sampai Trengganu, sampai Kelantan, orang bergila-gila mencari dulang tembaga yang ukuran 24", orang gila mencari sterika antik yang ber-cap kepala ayam jaguh, batu delima, hendak mencari harta karun di gua kerana pengaruh filem. Munasabahkah- di zaman sains dan teknologi? Kerana adanya kekosongan dalam masyarakat kita, orang kita sekarang ini ke hulu, ke pangkal, ke hilir mudak mencari dulang tembaga, mencari sterika pengosok baju tembaga, mencari batu delima, mencari keris lok 21, hendak pergi ke gunung, pergi ke bukit hendak mencari harta karun. Timbullah kumpulan, kumpulan, kumpulan, kumpulan, kumpulan yang bertopengkan di sebalik agama,

Cuba kita tengok contoh. Sebab itu tadi saya ucapkan tahniah kepada Drama TV RTM malam tadi mengenai "Tetamu". Kalau macam itu bagus buat. Sekali-kali untuk menjadikan rnasyarakat ini khayal, kalau lepas pilihanraya, lepas penat berhempas-pulas hendak menang dalam pilihanraya, kita tunjukkan gambar-gambar lawak jenaka macam itu tak apa, boleh meringankan kepala sedikit. Tetapi kalau dalam keadaan aman macam ini, kita tunjukkan drama semacam filem-filem yang mengkhayalkan, penglipur lara semata-mata dalam cerita Seribu Satu Malam, entah ia, entah tidak, macam mana kita hendak membentuk dari segi filem hiburan ini kepada masyarakat yang berdikari, masyarakat yang mempunyai prinsip, masyarakat yang katanya teguh, masyarakat yang kuat.

Buatkan satu drama siswazah jual goreng pisang boleh pakai Volvo. Cuba buat. Tahun 1956 saya sudah jual goreng pisang di depan masjid Kampung Baru. Pada masa itu ada Pasar Minggu Kampung Baru, ada jambatan sempit, jambatan gesel. Jual goreng pisang, modahnya? hanya pisang nangka setandan, kualiti satu, minyak satu botol. Satu malam dapat \$15. \$15 tahun 1956/1967. Sekarang orang jual goreng pisang satu malam \$150 senang-senang. Kalau satu malam \$150, untung bersih \$80, kali 30 malam jadi \$2,400, sama dengan Superscale G'. Ini hendak tunjukkan. Ertinya penjual goreng pisang daripada siswazah boleh pakai Volvo 244. Tunjukkan drama seperti ini. Tunjukkan bagaimana siswazah yang boleh berternak lembu, seperti siswazah Sarjana Muda Sains pergi ke Bank Pertanian, ianya sebab Pengerusi Lembaga Ternakan Negara kita Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim menyatakan ada \$400 juta pinjaman kepada penternak-penternak hendak mengurangkan kita membeli daging daripada luar negeri. Kemudian keluarlah ucapan Menteri Pertanian kita supaya ada siswazah yang muncul ke depan menjadi penternak-penternak.

Seorang pemuda yang baru keluar dari universiti, Lulus sarjana muda sains, pergi ke Bank Pertanian, bertanya Saya mahu menyahut seruan Menteri Pertanian, saya mahu menjadi siswazah penternak lembu, macam mana? Oh, buat kertas-kerja, yang pertama you siapkan working paper. Dia pun balik, jumpa saya, dia kata Yang Berhormat, saya kena buat working paper. Saya kata, working paper apa. Sebab ini seruan Menteri, kita hendak menyahut seruan Menteri, ertinya Kementerian sudah siapkan working paper, siapa yang hendak buat ini caranya. Jadi, kalau suruh siapkan working paper, macam kita hendak pinjam dengan bank perdagangan biasa.

Tadi saya juga mendengar dalam rancangan Radio, "Bakti Disemai, Bukti Dituai". Jawapan Pengarahnya betul, saya setuju dengan jawapan Pengarah yang menjawab pertanyaan melalui telefon dalam Rancangan Bakti Disemai Bukti Dituai, tetapi apabila pergi ke Bank Pertanian, tak sama macam cakap Ketua Pengarah dengan jawapan pegawai di situ. Kenapa jauh beza. Kempen Menteri lain, diperuntukkan kepada Lembaga Ternak yang mana Yang Berhormat Dato Haji Abu Bakar Rauthin yang menjadi Pengerusi, \$400 juta, kalau dibahagi-bahagikan kepada 70 daerah, maknanya satu daerah dapat berapa juta?

Ada anak muda yang mahu ke depan, ada siswazah yang mahu ke depan, mahu menampilkan diri menjadi siswazah penternak., Kali yang kedua, dia kata, saya sudah siapkan kertas kerja, dia pun hantar kertas kerja yang diminta. Pegawai kata, hati-hatilah, kalau awak hendak cuba, hendak ternak lembu, jangan banyak-banyak, setakat 3-4 ekor. Dia pun balik. Yang Berhormat, Pegawai Bank Bahagian Perkembangan itu suruh saya beli 3-4 ekor, pelihara 3-4 ekor lembu

dalam 6 bulan. Sedangkan hendak beli anak lembu itu dari Australia, naik di Kuala Kelang satu kilogram harganya \$3.30 beratnya 200 kilogram hendak diternak dalam tempoh 4-5 bulan menjadi 1,200 kilogram. Pasaran tak tentu Lagi, dedak tak tentu lagi. Kata Pegawai, 3-4 ekor cukup, Saya kata, kalau 3-4 ekor, awak tak payah pergi ke Bank Pertanian, dan tak payah menyahut seruan Menteri Pertanian. Nanti akan soal di dalam Dewan Negara ini, apakah konsep siswazah tani, siswazah ternak, siswazah nelayan? Saya mahu Kerajaan mengeluarkan satu definisi yang tertentu.

Kalau ada bukunya, ada cartanya, siapa yang hendak buat, macam ini. Tetapi kalau 3-4 ekor Tuan Yang di-Pertua, pelihara 6 bulan dapat untung \$200, satu bulan \$50, bermakna 4 bulan \$200, pemuda itu kata, lebih baik aku duduk diam-diam. Tetapi kalau perancang kaya, kalau Kerajaan betul-betul hendak mengurangkan kira daripada membeli lembu luar negeri, hendak menternak, lembu, paling kurang seorang penternak 50 ekor, kandangnya 10 ekor x 5. Macam ini. saya sudah tengok orang yang berjaya, tak payah pergi Bank Pertanian, tak minta nasihat Pegawai Pertanian, tak minta nasihat Jabatan Haiwan. Dia menternak sendiri. Ini orang Cina yang buat, kenapa jadi? Tetapi apabila ada anak Melayu hendak buat, minta kertas kerja, 3-4 ekor cuba dahulu, buat jauh-jauh dari kampung, nanti bau busuk, orang marah. Tetapi orang yang menternak selama ini di tengah kampung itu kenapa tak dipunggah? Ini sebabnya saya menyanyi lagu oh bangau, oh bangau. Perkara ini menyusahkan.

Jadi, kalau yang bercakap tadi, yang melaksanakan tadi masih terima gaji setiap bulan, tetapi dia tidak mempunyai kesedaran, ini susah. Hendak suruh orang buat, tetapi dia sendiri sikapnya negatif - awak nak buat, buatlah. Awak nak rugi, awak punya pasal.

Geran awak cagarkan di sini, lingkup, jual. Ada sikap macam itu yang berlaku, geran tanah hendak dipajakkan, kalau gagal rancangan, tanah kena lelong, tak usah diajarlah, pinjam dengan ceti lebih baik.

Perkara ini kena betulkan, kalau 50 ekor dia ternak, kalau seekor lembu dia boleh dapat untung bersih \$200 x 50 ekor = \$10,000. Kalau dia ternak lembu itu daripada 200 kilogram yang dibeli itu naik 1,200 kilogram, selama 5 bulan, bererti dia boleh dapat untung \$10,000, Kalau dalam 5 bulan dia boleh dapat \$2,000 setiap bulan, sama dengan gaji Superscale G, barulah dia fikir aku bela lembu pun sama boleh juga pakai Volvo 244GL. Barulah ada semangat. Dua ribu siswazah mahu jadi penternak lembu. Setiap petang dia boleh naik kuda, beli. kuda daripada Sabah, kuda Bajau untuk jaga lembu 50 ekor dengan cota, pakai. topi koboi. Hari minggu dia keluar ke pekan, shopping, beli. belah di pusat mernbeli belah dengan Volvo 244GL, barulah ada tarikan.

Kalau macam itu tadi jawapannya, dan kalau macam itu kesannya, saya rasa tidak ada, tidak akan mendapat: sambutan siswazah hendak menjadi petanikah, hendak menjadi pelayankah atau hendak menjadi penternak. Sudahlah benih lembu itu daripada Australia, kemudian sudah dikontrol pula oleh seorang, satu agen di. pelabuhan, dia sudah cekik darah di situ, sudah hisap darah di situ, bekalan makanan tak tentu di mana hujung pangkalnya, siapa yang hendak beli.

Sekarang ini ada penternak yang sudah membeli hanya dibolehkan menyembelih satu ekor sehari, untuk pasar tani. Ini ceritanya, Tuan Yang di-Pertua. Di Kundang ada, di Banting ada, di Kelanang ada. Tiga orang bergilir satu hari seorang, Lembu dia ada 50 ekor, hendak sembelih seekor sehari, seorang bergilir, besok A, lusa B, tulat. C, seekor lembu jual di pasar tani.

Saya kata ini projek Abu Nawas. Jadi kalau sudah ada orang yang berkemampuan macam itu, membela 50 - 100 ekor mesti dijamin bahawa cukup sahaja 4 bulan, lembu itu akan dibawa oleh pihak yang menganjurkan tadi, diagihkan ke mana-mana pasaran. Boleh laku sebab lembu itu makan dedak, makin sehari dia makan, makin besar. Dua bulan berek tak keluar daripada kandang, lingkup. Kita tidak mahu kejadian yang baik, projek-projek yang baik, program-program yang baik pada mulanya, kemudian menjadi hangus begitu sahaja kerana kita hanya pandai menganjur, kita hanya menganjurkan suruh orang buat tetapi kita tidak tahu bagaimana hendak menampung pulangan.

Kita asyik berpekik dengan tanah terbiar, sekian ratus ribu hektar tanah terbiar di Pahang, di Perak, di Kelantan dan di Johor, tetapi macam mana cara nya kita hendak memasukkan anak-anak kita yang dikatakan siswazah graduan tadi pergi menjadi petani yang boleh mendapat pulangan hasil yang baik, kalau seorang anak muda siswazah tadi ada satu kawasan tanah 30 - 40 ekar ia sanggup bekerja sebab dengan 30-40 ekar sama ada ditanam kelapa sawit dan ditanam apa yang boleh yang mendatangkan pulangan yang baik, mungkin dia akan mahu tetapi kalau suruh meneroka sawah terbiar yang penuh dengan pokok purun dan pokok keduduk di celah-celah anak sungai, di celah-celah paya tiga-empat ekar, berapa pulangan yang dia dapat?

Begitulah kita tengok dengan projek-projek yang lain, supaya perkara-perkara yang seperti ini dapat pihak Kerajaan memikirkan baik-baik, jangan ini hanya dijadikan sebagai satu isu yang panas pada satu-satu masa. Inilah Kerajaan sudah panggil jadi petani siswazah, tak mahu; suruh jadi nelayan siswazah, tak mahu. Ini anak-anak kita, mereka ini rakyat kita, anak-anak kita yang lahir sesudah merdeka, dia tak tahu apa-apa, kalau satu masa besok keadaan

ini makin banyak, makin banyak, kita minta Allah Taala jauhkan negara kita daripada berlakunya sesuatu yang mungkin ditimbulkan oleh anak-anak yang keluar daripada sekolah tinggi. Kalau 5-6 tahun lagi ada 10,000 siswazah yang menganggur, dia buat satu parti politik baru, parti siswazah nanggur, 10,000 orang dia gempur negara kita lingkup. Kalau setakat parti politik; dia kata ayuh kita masuk, kita peduli apa, kalau di Filipina pun ada komunis, di sana sini ada komunis, ini komunis internasional, bukan pikul senapang, kita tubuhkan parti komunis, hendak cakap apa kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena fikir betul-betul masalah ini, sekarang ini 3,000 mereka belum tunjuk apa~apa, mereka masih mengharap Kerajaan mengadakan satu-satu skim, satu-satu projek untuk menyelesaikan. Kalaupun besok ada 10,000-15,000 yang balik dari luar negeri, ada yang sudah kepit isteri, bawa anak pula, sampai di sini lulus engineer daripada Ohio University tidak laku di sini, pada masa itu masalah akan timbul. Kalau tidak dari segi politik, kita takut timbul daripada elemen-elemen ganas, puak ekstrim yang bukan lagi setakat bercakap, tetapi kita takut mereka bertindak liar menghancurkan negara. Hati-hatilah sebab saya sekarang sedang membahaskan Maksud B.36 - Polis Di-Raja Malaysia.

Saya percaya Polis Di-Raja kita kuat, apa lagi di bawah jagaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di bawah jagaan Timbalan Menteri yang begitu kuat semangatnya, kuat bekerja menjaga Polis, tetapi kejadian-kejadian yang berlaku di kalangan anggota Polis yang tidak menyedapkan itu kalau dapat kita bersihkan - bersihkan betul-betul supaya Polis Di-Raja Malaysia ini wangi, baik, cekap, bersih dalam melaksanakan tugasnya.

Mengenai penerangan berhubung dengan FINAS tadi, saya minta supaya dapat diwujudkan, melahirkan penulis, dahulu sekejap ada dipanggil penulis-penulis skrip drama, jawapan yang diberikan tidak ada sambutan Wallahualam Bisawab, entah panggil atau tidak, ada orang tulis atau tidak Wallahualam Bisawab, apabila kita tanya dia jawab.

Tuan Yang di-Pertua, cari sahajalah skrip atau buku~buku yang baik-baik itu difilemkan untuk menjadi contoh dan teladan. Apa salahnya kalau difilemkan cerita Anak Mat Lella Gila atau Puteri

Gunung Tahan tulisan Pak Sako itu? Kalau hendak filemkan pula buku karangan Dr. Mahathir Mohamad 'The Malay Dilemma' ini, itu betul-betul baru filem hiburan dan politik. Skrip sudah ada 'The Malay Dilemma', filemkan, berapa modal? Kalau filem biasa \$200,000 ini \$1 juta minta Perbendaharaan kerana FINAS hendak buat insya Allah Dewan Negara luluskan, kalau tidak boleh atau tidak cukup dengan satu episod jadikan 40 episod sambung-sambung, kalau filem Hindustan kita tengok tiap-tiap petang boleh sambung kenapa pula filem 'The Malay Dilemma' tidak boleh sambung? Sebab cerita 'The Malay -Dilemma' ini-pun akan bersambung-sambung, selagi ada bumiputera, ada orang Melayu, ada Malay Dilemma. Kalau filem Mesir 'Laa Abnatee' itu boleh sambung, boleh beli filem itu kita buat filem yang bercorak macam itu, filem Mesir bercorak agama, Malay Dilemma termasuk di situ - buat. Kalau satu filem \$500,000 FINAS hendak, insya Allah buat Rang Undang-undang Belanjawan masukkan dalam Belanjawan tahun 1988 - insya Allah Haji Shaharom akan sokong untuk diluluskan. Kita hendak tengok kemajuan supaya ini dapat membetulkan.

Saya hendak menyentuh Maksud B.63 - Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang memohon tambahan sebanyak \$584,700 dikehendaki untuk membayar gaji, elaun kakitangan, perbelanjaan pengangkutan, perhubungan, utility, sewaan, perkhidmatan bercetak, perkhidmatan ikhtisas dan lain-lain Perbelanjaan Mengurus bagi program kemajuan perusahaan kecil yang telah dipindahkan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada Kementerian ini, berkuatkuasa mulai 16hb Oktober, 1986,

Apabila bercakap Program Kemajuan Perusahaan Kecil termasuklah kraftangan, buat bunga-bunga daripada upih pinang, kulit pinang, daun getah. Betulkah orang Amerika beli bunga daripada daun getah

yang dikatakan untuk pelancong ini. Saya takut ini hanya digantung di mana-mana Pusat Karyaneka, perusahaan kecil.

Saya tidak nampak dekat Airport orang-orang Amerika bawa balik perisai bumiputera Iban, kita punya keranjang buluh, janganlah kalau setakat hendak bunga-bunga macam itu untuk hendak menyambut hari jadi cucu, hendak masukkan dalam buatan itu boleh. Tetapi kalau itu hendak dibuat buaian kempen seluruh negara kerana ini akan menarik pelancong bawa balik, cubalah kita renong baik-baik pelancong datang ke Malaysia bukan hendak tengok bunga daripada daun getah atau bunga yang dibuat daripada kulit pinang?

Di T,V ini dikeluarkan tiap-tiap hari iklannya, itu sebabnya saya cakap dan saya tengok juga di .Pusat-pusat Karyaneka, kita pergi di pusat-pusat perusahaan kecil ini, kita tengok mereka kata sambutan setakat buatlah - kalau tidak ada R.D.U, di dalam KEMAS itu ada R.D.U tidak tahulah ada KLKnya yang menghantar daripada kelonsong telur yang dibuat daripada pandan untuk pengantin, orang masih juga terus gunakan yang dibuat daripada tembikar, sama ada yang dibeli dari dalam negeri atau dibeli dari negeri jiran, daripada plastik dan sebagainya..

Cuba kaji baik-baik balik semula daripada berbuai seperti itu kita dan kita tengok sekarang ini kalau satu masa dahulu digalakkan anak-anak muda kita membuka bengkel-bengkel menampal basikal, menampal motosikal, memperbaiki enjin motokar yang ringan dan sekarang ini oleh kerana telah memakan masa hampir 7-8 tahun banyak bengkel-bengkel ini yang sudah tutup dan kalau kita tanya kepada pihak MARA, kepada KKBS, pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan berjuta-juta, hanyut begitu sahaja, kajian patut dibuat, kalau kita sesat di hujung jalan, kita balik ke pangkal jalan, kalau projek itu agak-agak tidak menguntungkan cakap tidak menguntungkan, kita kena

berhenti setakat ini, boleh kita tumpukan kepada menggugar tanah terbiar yang ada berjuta-juta hektar dalam negara kita. Saya rasa lagi baik jika kita benar-benar membuka projek menternak ikan keli dan belut itu menguntungkan kerana Jepun dan Korea hendak ikan keli dan belut buat betul-betul, Ini satu contoh yang dikeluarkan di Perak oleh Pak Haji Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang dapat saya sentuh di dalam membahaskan Akta untuk meminta diluluskan belanja tambahan bagi beberapa Jabatan dan Kementerian yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya tahu duit ini telah dibelanjakan, sekadar minta untuk diluluskan, maka dengan ini saya menyokong supaya Akta ini diluluskan dan saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Akta ini.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Yang Berhormat: Tuan Rajoo.

5.10 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang bagi menggunakan wang da pada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Awam Persekutuan dalam tahun 1986 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1986.

Saya menyokong penuh sebanyak \$8.4 juta diperuntukkan kepada Maksud B.4 yang bertajuk Suruhanjaya Pilihanraya. Saya difahamkan perbelanjaan tambahan ini dipohon kerana perbelanjaan yang meningkat akibat pilihanraya umum baru-baru ini. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk rnengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang mentadbirkan perjalanan pilihanraya umum baru-baru ini dengan begitu rapi, teratur dan baik. Saya berharap kegiatan yang begitu baik ini akan terus dilaksanakan semasa pilihanraya umum di negeri Sarawak pada 15hb dan 16hb April ini tanpa sebarang penyelewengan atau berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya juga ingin menyentuh sedikit-sebanyak kelemahan yang terdapat dalam sistem pentadbiran pengundi oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini. Pada masa ini kita masih terdapat nama beberapa orang yang telah meninggal dunia lebih dari 10 tahun di dalam senarai daftar pengundi. Ada juga pengundi yang

telah berpindah ke lain tempat, tetapi nama mereka masih terdapat dalam kawasan yang lama. Ada pula nama seseorang pengundi itu terdapat dalam dua kawasan.

Semua kekurangan di atas ini jelas membuktikan sistem yang ada sekarang itu tidaklah lengkap dan perlu diperbaiki. lagi. Saya berharap Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengemaskinikan daftar pengundi tanpa terdapat sebarang keraguan. Oleh yang demikian saya bercadang Suruhanjaya Pilihanraya akan mendaftarkan pengundi secara automatik apabila mencapai umur 21 tahun. Exercise ini bolehlah dilaksanakan sepanjang tahun agar setiap rakyat yang layak dapat di daftarkan apabila mencukupi umur 21 tahun. Dengan cara ini Suruhanjaya Pilihanraya dapat mengemaskinikan pendaftaran pengundi agar tidak terdapat sebarang penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong peruntukan sebanyak \$60.9 juta bagi Maksud B.36 bertajuk Polis Di raja. Saya difahamkan sebahagian besar peruntukan ini akan digunakan untuk membayar tunggakan gaji akibat kenaikan gaji pegawai-pegawai rendah Polis Diraja Malaysia. Saya menyokong penuh atas peruntukan ini kerana pegawai-pegawai rendah Polis Diraja sedang melaksanakan tugas yang begitu berat dengan penuh bertanggungjawab demi menjaga keamanan dan kestabilan negara. Tetapi kita masih juga terdapat satu dua 'black-sheep', dengan izin, dalam perkhidmatan Polis yang merosakkan nama baik Polis di negara ini. Namun begitu, sebilangan besar anggota Polis adalah beramanah dan jujur dalam pelaksanaan tugas mereka, akan tetapi keadaan fizikal sebilangan kecil di mana tempat mereka bertugas adalah amat menyedihkan, seperti Balai Polis

Sungkai dan sebagainya. Apa yang lebih mendukacitakan adalah keadaan Balai Polis Trafik di Bandar Ipoh. Keadaan bangunan itu adalah amat merbahaya dan tidak selamat. Dokumen-dokumen yang tersimpan dalam Balai Polis Trafik Ipoh itu tidaklah selamat kerana ianya kkuatir jika berlakunya sesuatu yang tidak diinginkan, seperti kebakaran, maka semua dokumen penting itu akan hangus dijilat api.

Baru-baru ini saya mempunyai satu peluang yang malang untuk pergi ke Balai, Polis Trafik di Ipoh dan keadaan di situ amat menyedihkan saya. Saya melihat Pegawai-pegawai Trafik yang bekerja di verandah ataupun kaki.lima bangunan itu dan saya difahamkan seorang Pegawai Trafik bekerja selama 18 jam sehari dalam keadaan yang teruk begini. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan yang segera untuk membina semula Balai PoLis Trafik Ipoh, Balai Polis Sungkai dan lain-lain balai Polis yang keadaan fizikalnya buruk.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan peruntukan sebanyak \$10 bagi Maksud B.44 bertajuk Kementerian Penerangan. Dalam aspek ini saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan terhadap tugas-tugas Pegawai Penerangan yang kini menjalankan tugas di Luar bandar. Kebanyakan mereka tidak langsung memberi tumpuan kepada ladang dan estet untuk memberi penerangan dalam mendedahkan polisi dan rancangan Kerajaan kepada rakyat. Adakalanya Pegawai. Penerangan yang pergi ke ladang-ladang ini memberi ceramah dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Cina kepada satu perkampungan majoritinya masyarakat India. Orang-orang yang datang mendengar ceramah-ceramah ini tidak langsung memahami apa yang diperkatakan itu. Ini adalah satu usaha yang sia-sia sahaja. Apabila disoal pegawai-pegawai yang

di atas menjawab bahawa situasi ini berlaku kerana kekurangan staff dan pembahasa Tamil. Oleh yang demikian, saya berharap staff pembahasa Tamil hendaklah dihantar ke ladang-ladang getah dengan lebih kerap lagi agar mereka memahami polisi-polisi Kerajaan yang lebih jelas lagi. Jika perlu Kerajaan hendaklah mengambil lebih banyak lagi Pegawai Penerangan bahasa Tamil dan Cina agar dapat Kerajaan menembusi rakyat yang kurang keyakinan terhadap Kerajaan yang terdapat di ladang-ladang getah dan kampung-kampung baru.

TuanYangdi-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menimbulkan di bawah Kementerian Penerangan adalah berkenaan dengan potret pemimpin negara kita, termasuk potret Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong. Kebanyakan pejabat. Kerajaan dan tempat-tempat awam tidak langsung mempunyai gambar-gambar ini kerana kononnya gambar dan potret ini kehabisan di Jabatan-jabatan Penerangan Negeri dan Pejabat-pejabat Penerangan Daerah. Saya rasa keadaan ini adalah amat mengecewakan. Oleh yang demikian, Pegawai-pegawal Penerangan hendaklah memastikan bahawa setiap bangunan Kerajaan, termasuk sekolah dan tempat-tempat awam seperti stesen bas, stesen keretapi mempunyai potret-potret ini supaya dapat kita menyampaikan semangat kecintaan kepada Raja dan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin juga menyentuh sedikit tentang Maksud B.63 bertajuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di mana wang sebanyak \$584,000 telah diperuntukkan. Saya menyokong penuh peruntukan ini, akan tetapi saya ingin menarik perhatian Kementerian ini kepada satu perkara yang boleh mengancam ekonomi industri perladangan getah di negara ini.

Baru-baru ini peladang-peladang dari negara Kanada dan Russia telah menanam semula sejenis herba bernama 'equayu' yang mana boleh mengeluarkan getah setanding dengan getah 'evea' Malaysia kita. Saya difahamkan getah jenis 'equayu' ini telah digunakan dengan seluas-luasnya semasa peperangan dunia kedua apabila negara-negara industri getah jatuh ke tangan Jepun. Kos pengeluaran getah "goel" ini adalah rendah dan economical.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir dan bimbang jika perkara ini adalah benar, maka industri getah di negara ini akan mengalami zaman gelap. Pekebun-pekebun kecil serta badan-badan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya akan mengalami zaman dan masa depan yang gelap. Sektor perladangan getah yang besar-besar pun akan mengalami masa depan yang mantap. .

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini industri getah sudahpun mengalami berbagai masalah akibat kejatuhan harga pasaran di dunia dan pemuda-pemuda kita lebih gemar berhijrah ke pekan mencari pekerjaan. Dengan adanya masalah begini, industri getah kita sudahpun digelar sebagai, dengan izin, 'sunset industry'. Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah mencari jalan mengatasi masalah ini demi kepentingan beribu-ribu peneroka getah di beberapa rancangan FELDA, FELCRA dan pekerja-pekerja ladang-ladang getah. Jika tidak, masa depan mereka adalah gelap, dengan harapan Kementerian akan mencari jalan yang baik dan menjamin masa depan pekerja-pekerja yang bergantung kepada industri getah.

Saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1987. Terima kasih.

5.20 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) 1987 mengenai Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebelum saya memulakan perbahasan, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kebawah Duli. Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan Malaysia, Parti Barisan Nasional, Parti MCA dan kaum wanita kerana mempunyai kepercayaan terhadap diri saya dan telah melantik saya sebagai Senator.

Sempena Tahun Antarabangsa bagi mereka yang tidak berumah Bangsa-bangsa Bersatu tahun ini, adalah sungguh elok kita meneliti dasar Kerajaan untuk membina 80,000 unit rumah kos rendah setahun untuk tempoh selama tiga tahun di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Program perumahan ini di samping mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara, juga akan membantu mewujudkan pekerjaan untuk rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan sebagaimana kita semua sedia maklum merangkumi salah satu keperluan asas manusia. Dengan adanya projek sebegini, Kerajaan dapat membantu rakyat di negara ini, terutama mereka yang berpendapatan rendah memenuhi keperluan asas ini. Adalah difahami bahawa Kerajaan kita sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam apa juga carapun untuk memudahkan orang ramai memiliki sebuah rumah. Salah satu contoh ialah usaha mengkaji cara-cara "menurunkan harga rumah kos rendah kepada \$20,000 seunit.

Hal ini cuma boleh jadi dengan harga simen yang murah, kadar pinjaman bank yang rendah, harga tanah yang rendah dan formaliti-formaliti yang terlibat untuk meluluskan permohonan-permohonan tanah juga dipermudahkan. Natun demikian, pencapaian dasar ini tidak lengkap sekiranya pembayaran pendahuluan sekarang ini tidak diperbetulkan.

Pada masa-masa yang lepas dan sekarang ini, juga, perkara ini merupakan masalah yang paling rumit dihadapi oleh mereka yang berpendapatan rendah. Bagi mereka, bayaran pendahuluan sebanyak 20% telah menjadi satu bebanan yang amat berat sebab kebanyakan daripada mereka tidak mampu memenuhinya. Kepada golongan kelas pertengahan pula, untuk mendapatkan 20% bayaran pendahuluan untuk membeli sebuah rumah yang berharga \$100,000 adalah satu masalah besar. Masalah ini boleh diatasi sekiranya langkah-langkah dirumuskan untuk menukarkan bayaran pendahuluan ini kepada satu bentuk bayaran sewa bulanan yang sistematik pada satu kadar yang sesuai dan mampu bagi pembeli-pembeli rumah. Sewa bulanan ini akan dibayar oleh pembeli rumah sehingga harga belian rumah itu habis dibayar. Ini akan membantu meringankan beban pembeli dari mencari bantuan kewangan untuk bayaran pendahuluan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar bunga pinjaman bank yang tinggi juga menjadi satu masalah rumit yang dihadapi oleh pembeli rumah. Kadar bunga sebanyak 6% yang kini dinikmati oleh kakitangan Kerajaan sekiranya diperlanjutkan kepada pekerja sektor swasta yang membeli rumah untuk kali yang pertama pasti akan meringankan beban kewangan bakal pembeli rumah. Masalah-masalah seperti kerosakan rumah, serta pembeli-pembeli ditipu oleh peguam dan pemaju perumahan perlu diteliti dengan lebih mendalam lagi. Pengawasan rapi mesti dilakukan dalam peringkat pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah projek-projek yang tergendala dalam peringkat pembinaan juga perlu diteliti. Hanya dengan inilah pembeli-pembeli rumah dipastikan akan mendapat apa yang telah mereka laburkan. Saya berharap Kementerian ini akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyediakan setiap rakyat Malaysia sebuah tempat berteduh dan memenuhi matlamat membina 835,500 unit rumah di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) 1987. Sekian, terima kasih.

5.28ptg.

Tuan Ng Feng Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin mengambil bahagian membahas dan terus menyokong Rang Undang-undang iaitu suatu Akta bagi menggunakan wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang ini, bagi Maksud B.14, yang berhubung-kait dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya suka di Dewan yang mulia ini meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil berat dan menyekat Akta Perumahan kerana selama ini kita telah mendapat banyak aduan berkenaan dengan kes~kes penipuan daripada pemaju-pemaju perumahan.

Baru-baru ini beberapa kes telah berlaku khususnya di negeri Melaka di mana pembeli-pembeli rumah di satu projek perumahan, apabila mereka pergi menyemak tanah-tanah mereka di Pejabat Pentadbir Tanah, Melaka Tengah, baru mereka mendapati rumah-rumah yang mereka beli dan tanah mereka pun telah dicaveat oleh sesuatu bank.

Apa yang memeranjatkan kita ialah pemaju projek perumahan yang berkenaan itu telah cagarkan geran-geran tanah kepada bank tanpa kebenaran dan pengetahuan pembeli-pembeli rumah di projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa telah banyak kita dengar berkenaan dengan aduan penipuan pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab dan selalu kita pun mendapat aduan bahawa adanya setengah-setengah projek perumahan di mana projek itu tergendala.

Saya suka menimbulkan satu contoh di Melaka- di mana ada satu taman iaitu Taman Palembang. Pada suatu hari seorang pembeli telah bertemu dengan saya dan membuat aduan kepada saya bahawa mereka telah tempah dan bayar 10% selepas menandatangani surat perjanjian tetapi sehingga hari ini setelah selatna 12 tahun pun rumah mereka masih belum siap lagi.

Contoh yang saya bawa ini ialah bertujuan untuk meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil perhatian. Setengah-setengah pemaju ini apabila mereka mendapatkan projek perumahan mengiklankan melalui press media dan apabila pembeli-pembeli telah menandatangani surat perjanjian, membayar 10% dan pemaju pun telah mula bekerja menyediakan tapak, selepas menyediakan tapak dan mendapatkan 10% mereka pun menghilangkan diri. Saya pun telah banyak mendengar bahawa Menteri ataupun Timbalan Menteri daripada Kementerian berkenaan membuat kenyataan bahawa Kementerian akan mengetatkan Akta Perumahan bagi menjamin kepentingan pembeli-pembeli.. Tetapi sehingga hari ini ada beberapa kes yang telahpun kita kemukakan kepada Kementerian tetapi tidak ada tindakan diambil terhadap pemaju~pemaju yang berkenaan. Oleh itu saya suka

mengambil kesempatan pada petang ini untuk minta Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pegawai-pegawainya mengambil tindakan yang serius di atas pemaju~pemaju yang tidak bertanggungjawab yang menjalankan projek perumahan semata-mata hendak menipu pembeli-pembeli rumah di dalam negara kita,

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dalam pada keadaan ataupun kemerosotan ekonomi. sekarang ada banyak projek perumahan tergendala oleh sebab pemaju-pemaju yang berkenaan tidak sanggup menjalankan projek dan oleh kerana setengah-setengah pemaju itu berhutang kepada bank dan institusi-institusi kewangan. Saya berpendapat bahawa institusi-institusi kewangan, ataupun bank-bank sepatutnya membantu pemaju-pemaju bagi melaksanakan ataupun menyempurnakan projek-projek perumahan yang tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya suka juga meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil berat tentang program rumah kos rendah yang mana kita telah banyak dengar melalui press media bahawa Kerajaan Pusat berhasrat membina rumah-rumah kos rendah yang berharga \$25,000 untuk golongan berpendapatan rendah. Tetapi apa yang saya ditahamkan iaitu setengah-setengah pemaju tidak dapat melaksanakan projek-projek rumah kos rendah mengikut program yang dijadualkan oleh Kerajaan kerana apabila permohonan dikemukakan kepada bank-bank untuk mendapatkan pinjaman \$25,000 maka bank-bank yang berkenaan tidak tolak terus tetapi bank-bank yang berkenaan memberi alasan-alasan bahawa mereka tidak boleh diberi pinjaman begitu besar, mereka terpaksa mengadakan syndication of loan dan menambahkan management fee ataupun kos pentadbiran di mana pada

akhirnya seseorang pembeli rumah yang membeli rumah berharga \$25,000 itu, kena bayar bukan sahaja 10% faedah tetapi juga terpaksa membayar kos pentadbiran. Jadi saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak menyenangkan kita dan sepatutnya Kerajaan hendak menggalakkan pihak swasta membantu Kerajaan menyelesaikan masalah perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah dari juga sepatutnya Bank Negara memastikan pinjaman bagi rumah-rumah yang kos rendah itu mesti diberi oleh mana-mana bank atau institusi-institusi kewangan kepada pemaju-pemaju yang datang memohon.

Saya juga dimaklumkan bahawa ada setengah-setengah pembeli apabila membuat permohonan melalui bank, permohonan mereka ditolak kerana setengah-setengah bank atau pegawai-pegawai dari bank yang berkenaan memberi alasan bahawa pembeli rumah itu kerana pendapatannya terlalu rendah, jadi tidak mampu membayar balik atau tidak mampu menjelaskan semula segala pinjaman yang diberi. Atas alasan s begitu pinjaman mereka ditolak. Oleh itu saya suka menegaskan dalam Dewan yang mulia ini. dan merayu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengambil berat tentang aduan yang saya buat pada petang ini dan memastikan bahawa bank-bank memberi pinjaman kepada pemaju-pemaju perumahan yang benar-benar ingin membina rumah-rumah yang kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rumah kos rendah, saya suka juga mengambil kesempatan pada petang ini untuk merayu kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menyelaraskan segala syarat yang dikenakan

kepada semua projek perumahan di seluruh Malaysia kerana kami dapati bahawa ada di setengah-setengah negeri, pemaju-pemaju apabila memohon kepada Kerajaan Tempatan dikenakan syarat yang berbeza-beza. Sepatutnya Kerajaan harus melonggarkan syarat-syarat kepada pemaju-pemaju yang ingin membina rumah-rumah kos rendah untuk menampung keperluan golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyentuh Maksud B.36 iaitu Polis DiRaja Malaysia. Baru-baru ini di negeri Melaka telah berlaku satu peristiwa iaitu pelarian tujuh orang banduan dari bilik tahanan di Balai Polis Melaka Tengah. Peristiwa yang tidak diinginkan berlaku di Melaka dan saya berpendapat saya bahawa ada setengah-setengah Balai Polis perlu diberi peruntukan yang lebih supaya Balai-balai Polis dan bilik-bilik tahanan dapat diperbesarkan dan dilengkapi lagi. Kami tidak mempersalahkan sesiapa ataupun pihak Polis akibat berlakunya pelarian tujuh orang banduan daripada bilik tahanan Balai Polis Melaka Tengah. Saya telahpun melawat Balai Polis Melaka Tengah dan mendapati bilik tahanannya adalah terlalu kecil dan sesak kerana ianya menempatkan banduan melebihi daripada apa yang telah diwartakan. Mereka ini telah bersubahat sesama banduan-banduan yang ada di dalam bilik tahanan dan menjadikan satu peristiwa di mana seorang anggota polis telah terbunuh. Oleh itu ini satu pengalaman yang kita dapati bahawa sepatutnya Balai-balai Polis diberi peruntukan yang cukup untuk membesarkan Balai-balai Polis dan bilik tahanan. Saya juga berpendapat ada setengah-setengah Balai Polis yang dibina dalam tahun 40an ataupun 50an masih ada lagi dalam negara kita.

Saya kadangkala bila melawat setengah-setengah balai di negeri Melaka ini saya dapati ada setengah-setengah balai itu patut diwartakan sebagai museum, Tetapi mereka masih berfungsi sebagai balai Polis. Saya berpendapat. balai polis adalah satu balai yang sangat penting untuk rakyat kita kerana ianya adalah sebuah balai yang mana orang ramai dapat membuat aduan dan perhubungan. Oleh itu Kerajaan sepatutnya memberi peruntukan yang mencukupi supaya balai-balai Polis yang lama ini diruntuhkan dan dibina semula.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan B.63, iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, di sini saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan kampung-kampung baru yang ada di dalam negara kita. Baru-baru ini kami telah membuat satu kajian keseluruhannya di negeri Melaka. Kami mendapati bahawa kampung-kampung baru yang ada di seluruh negeri Melaka ini luas kawasan kampung-kampung baru ini tidak pernah diperbesarkan.

Ada setengah-setengah kampuag-kampung baru yang diadakan selama ini luas kawasan memang sama, tetapi bilangan penduduk telah bertambah dan kerana kekurangan tanah di dalam kampung-kampung baru ini, penduduk-penduduk di dalam kampung-kampung baru ini boleh dikatakan sehingga 85% terpaksa mencari. pekerjaan di dalam bandar dan kekurangan infrastruktur di dalam kampung-kampung baru ini bahawa mereka tidak dapat menjalankan perusahaan atau industri-industri. Oleh itu saya berharap Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang ada pernah membuat pengumuman bahawa Kerajaan sedang mengadakan program membesarkan kawasan kampung-kampung baru di seluruh negara kita, saya harap program ini akan dijalankan. Apa yang saya suka menyentuh di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu perkara berkenaan dengan pajakan, ataupun lease, 60 tahun bagi tanah-tanah di kampung-kampung baru.

Walaupun ada pernah kita mendengar ucapan daripada Menteri yang berkenaan, Kerajaan telah mengumumkan bahawa tanah-tanah lease yang ada di dalam kampung-kampung baru akan disambung semula pajakan, lease 60 tahun,.tetapi baru-baru ini saya dapat aduan daripada beberapa orang pemohon tanah di kampung baru di Melaka ini, permohonan mereka tidak dapat dipertimbangkan dan alasan yang diberi dikatakan Kerajaan belum menyelaraskan perkara ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan pada petang ini merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya Menteri yang berkenaan menyelaraskan ataupun memberi arahan kepada Kerajaan kerajaan Negeri supaya tanah-tanah lease yang telah tamat tempoh mereka diberi sambungan terus 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya memperuntukkan, memberikan sedikit peruntukan lagi kepada kampung-kampung baru meningkatkan infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan asas dan juga membantu penduduk-penduduk di kampung-kampung baru mewujudkan industri ringan supaya dengan adanya industri-industri ini akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk yang ada di dalam kampung-kampung baru supaya mereka tidak payah keluar daripada kampung-kampung baru mereka untuk mendapatkan pekerjaan di dalam bandar.

Sekian sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Sekian.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Silakan Yang Berhormat.

5.46 ptg.

Dato' Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan di dalam perkara Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi menguruskan segala perbelanjaan bagi tahun 1986. Saya hanya menuju kepada 2 perkara sah ia, yang pertama di dalam perkara peruntukan B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mengikut keterangan yang dikemukakan pada petang ini ialah untuk mendapatkan tambahan sebanyak \$24,351,500 bagi menjelaskan tunggakan caruman bantuan kadar kepada Penguasa-penguasa Tempatan sehingga tahun 1986 ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kedudukan kemelesetan ekonomi negara kita pada masa sekarang, maka -saya benar-benar berharap supaya formula bantuan-bantuan kadar kepada Penguasa-penguasa Tempatan akan dapat dikaji semula. Formula yang digunakan untuk memberi bantuan kadar kepada Penguasa-penguasa Tempatan telah, agak saya cukup lama dibuat. Pada masa Kerajaan kita berpindah dan Majlis-majlis Tempatan disatukan dan dijadikan Majlis Daerah, pada masa itulah formula bantuan kadar kepada Penguasa-penguasa Tempatan itu dibuat.

Pada masa itu saya percaya, iaitu keadaan ekonomi pada waktu itu adalah lebih baik daripada sekarang dan pada waktu itu penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, khususnya di Majlis-majlis Tempatan atau bekas-bekas Majlis-majlis Tempatan tidak menghadapi kesulitan kewangan sebagaimana yang dihadapi oleh mereka pada masa sekarang.

Di masa itu apabila kedudukan mereka di dalam kawasan Majlis-majlis Tempatan itu, mereka bayar cukai harta atau assesment yang cukup rendah, tetapi apabila dicantumkan dengan Majlis-majlis Bandaran menjadi Majlis-majlis Daerah, mereka terpaksa membayai kadar cukai kepada Penguasa-penguasa Tempatan yang agak lebih tinggi

kalau dibandingkan pada masa-masa yang mereka bayar kepada Majlis-majlis Tempatan. Dengan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di dalam bekas Majlis-majlis Tempatan dan dengan adanya kemelesetan kedudukan ekonomi negara kita pada masa sekarang, mereka merasa amat sukar untuk membayar atau menjelaskan segala kadar cukai yang patut dibayar oleh mereka dan setahu saya kedudukan kewangan Majlis-majlis Daerah semata-mata bergantung kepada pungutan atau kutipan cukai harta sahaja.

Oleh yang demikian, saya merayu di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kementerian yang berkenaan akan dapat timbang sernula bagi mencari ikhtiar, mengkaji semula formula yang telah digunakan pada masa sekarang dengan harapan dan tujuan supaya dapatlah membantu dan menolong Majlis-majlis Daerah bagi mendapat lebih banyak bantuan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Perkara yang kedua yang ingin saya menyentuh dalam perbahasan ini ialah mengenai Maksud B.63 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada petang ini Rang Undang-undang ini meminta supaya tambahan sebanyak \$584,700 itu diluluskan untuk bayar gaji dan elaun kakitangan dan sebagainya. Dalam hal ini, kawasan-kawasan luar bandar, sungguhpun negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 30 tahun, masih lagi kebanyakan tempat-tempat atau kawasan-kawasan luar bandar yang masti memerlukan kemudahan-kemudahan asas, umpamanya jalan, bekalan air, bekalan api dan sebagainya. Negara kita telah merdeka selama 30 tahun tetapi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar masih menderita kerana masih tidak dapat kemudahan-kemudahan asas.

Maksud dan tujuan saya mengemukakan perkara ini ialah supaya bagi pihak Kerajaan, lebih-lebih lagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, akan dapat timbang dengan lebih teliti supaya kemudahan-kemudahan asas ini diberi keutamaan supaya dapat disampaikan kepada kawasan-kawasan yang masih memerlukan. Pada biasanya, permohonan-permohonan untuk meadapatkan kemudahan-kemudahan asas seumpama bekalan air dan bekalan elektrik daripada kawasan-kawasan pendalaman/ jawapannya ialah kawasan itu adalah kawasan terpencil dan terpaksa menunggu giliran. Dari masa ke semasa bekalan air dan bekalan api akan dibawa ke kawasan pendalaman, tetapi masanya telah 30 tahun dan masih belum sampai lagi.

Pada masa sekarang kita menggalakkan supaya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar memahami keadaan kesihatan tetapi mereka masih menggunakan air-air daripada parit dan sebagainya. Ini adalah amat merbahaya dan jika ada apa-apa penyakit yang berjangkit daripada penggunaan air itu, maka harus penyakit seurapama ini akan merebak kepada semua penduduknya menjadi satu, dalam bahasa Inggeris dikatakan, epidemic, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maka saya fikir bekalan air untuk disampaikan kepada kawasan-kawasan pedalaman lebih mustahak dan saya haraplah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengatnbil berat dalam hal ini. Ini perkara yang saya fikir amat penting untuk penduduk-penduduk di dalam kawasan-kawasan luar bandar.

Saya tidak berhajat untuk mengambil bahagian dengan panjang-lebar, maka dengan ini saya bersama-sama memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ada lagi yang ingin hendak memberi ucapan? Silakan Yang Berhormat.

5.57 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberikan sokongan di atas tambahan yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, maka setelah dilihat dan dipernatikan tambahan-tambahan yang

diperbuat ini kepada B.4, B.14, B.30, B.36, B.44 dan B.63, saya terlebih dahulu membincangkan penambahan kepada B.36 - Polis Diraja Malaysia.

Sebagaimana yang sama-sama kita ketahui bahawa perbincangan yang begitu panjang yang merangkumi semua perkara dan aspek dalam memperbahaskan perbelanjaan pada bulan Disember yang lalu, maka kita telah meluluskan peruntukan yang begitu besar dan hari ini kita meluluskan tambahan sebagaimana yang dikemukakan ini. Apa yang menarik perhatian saya iaitu tentang perkhidmatan Polis Diraja Malaysia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini dalam beberapa perkara yang melibatkan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia yang sepatutnya mendapat perhatian dari pihak Kerajaan, terutama sekali tentang keadaan dan kedudukan semasa mereka berkhidmat, baik Polis itu daripada Unit Polis Hutan ataupun Polis Diraja yang berkhidmat di Balai-balai Polis, di Pondok-pondok Polis dan sebagainya. Saya rasa pemerhatian ini harus dibuat secara terperinci kerana Polis Diraja ini, anggota anggota Polis ini adalah diberikan tugas dengan tidak tentu masa dan waktu demi untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman negara.

Apa yang menarik perhatian saya iaitulah tentang kemudahan-kemudahan yang perlu diberi kepada anggota-anggota polis ini terutama bagi mereka yang berpangkat rendah hinggalah pada peringkat Inspektor dan sebagainya. Terutama sekali saya menekankan dari segi kedudukan mereka, rumah-rumah tempat tinggal mereka ataupun rumah-rumah yang diberikan untuk belanja sewa kepada mereka saya rasa harus dibuatkan pertimbangan yang wajar, kerana banyak balai-balai polis atau tempat-tempat tinggal anggota-anggota polis ini kita tengok amat menyedihkan kerana rasanya kurang sesuai bagi orang yang kita beri tugas yang tidak tentu masa, tidak tentu keadaan mendadak ataupun tidak mereka itu sentiasa dikehendaki perkhidmatannya. Tetapi kita tengok rumah-rumah sebahagian daripadanya kurang keselesaan dan kadang-kadang ada di antara anggota-anggota yang mempunyai bilangan keluarga yang besar sedangkan rumah-rumah tempat mereka tinggal satu kawasan yang tidak begitu sesuai khususnya sempit. Jadi, kalaulah suasana ini tidak begitu menyenangkan maka pemikiran setiap anggota yang terlibat ini tidak begitu tenteram, sebab itu banyak desas desus yang kita dengar bahawa perkhidmatannya kurang memuaskan. Itu satu daripadanya.

Yang keduanya, kita harap pihak Kerajaan memikirkan semula tentang Akta Pencen yang telahpun dikemukakan bahawa polis dan tentera ini harus difikirkan semula. Sebab polis kalau tidak diberi pencen keadaannya amat berlainan dengan jawatan-jawatan perkhidmatan awam walaupun polis ini terlibat dalam perkhidmatan awam tetapi manakala kita memandangkan daa kita perhatikan kalaulah polis yang diletakkan bertugas sebagaimana yang saya katakan tadi manakala sampai umur 55 tahun, tidak ada tenaga lagi untuk hendak menyambung

sara hidup hidup mereka, malahan harapan untuk mendapatkan sedikit ganjaran ataupun wahg daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kalaulah kita ibaratkan pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang lain, banyak masa yang boleh mereka gunakan tetapi pihak polis tidak boleh. Hinggakan mereka dalam mas duduk bercuti itu pun terpaksa melaporkan diri, boleh dipanggil bila-bila masa. Perkhidmatan polis ini kalau tidak dikaji semula dan tidak diberikan perkhidmatan yang baik maka kita bimbang keadaan yang kurang menyenangkan akan berlaku. Sebab itulah banyak tuduhan-tuduhan, punca-punca polis ini tidak mahu berkhidmat dengan secara baik, kadangkala mereka hanya memandangkan sahaja tidak mengambil tindakan, ini mungkin bukan secara tugas tetapi mungkin mereka meraikirkan masalah kehidupah mereka, sebab itu perkhidmatannya kurang cemerlang sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat.

Tuan yang di-Pertua, sekali pandang mungkin kita memikirkan perkhidmatan yang diberikan oleh polis ini sesuai dengan ganjaran yang telah diperuntukkan tetapi manakala kita buat penelitian perkhidmatan yang diberikan oleh polis tidak begitu sesuai. dengan ganjaran yang diberi. Dengan sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya polis ini dapat dikecualikan dalam perkhidmatan awam supaya tidak diberi persaraan, malahan saya cadangkan supaya polis ini diberi persaraan tidak sepertimana yang dicadangkan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan yang lain.

Masalah yang ketiga,tentang Polis Diraja ini juga saya pernah menyebutkan dalam Dewan yang mulia ini supaya pakatan anggota polis dikaji semula, ada yang sesuai tetapi ada pakaian yang kurang sesuai. Yang saya maksudkan kalau polis wanita bahagian trafik boleh diberikari pakaian yang baik tetapi polis wanita yang bertugas

di balai tidak diberikan pakaian yang begitu sesuai. Di dalam suasana keinginan Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam di dalam perkhidmatan **ini**, saya rasa tidak ada lagi masa untuk hendak dikatakan tidak ada peruntukan untuk hendak menukar uniform atau pakaian pakaian khas polis ini kepada satu pakaian yang secukupnya untuk dipandang bagi memelihara kesucian wanita itu sendiri.

Pernah kita perhatikan polis-polis wanita ini bila berhadapan dengan masyarakat dengan uniformnya yang pendek itu dalam keadaan serba salah, kerana mereka pun ada juga keimanan mereka. Mereka ingin juga menutup aurat mereka tetapi pakaian yang diberikan kepada mereka itu tidak membolehkan mereka berbuat demikian. Ini persoalan yang saya kemukakan harus difikirkan kenapa pihak Kerajaan masih menunggu lagi untuk menukar pakaian polis wanita ini kepada satu pakaian yang boleh menutup aurat: mereka, tidak sebagaimana yang kita pandang hari ini. Kita rasa sedih wanita-wanita kita, terutama sekali wanita-wanita polis yang beragama Islam, harus diambil perhatian dalam masalah ini.

Saya ingin juga menyentuh tentang perkhidmatan polis ini iaitu supaya sekatan-sekatan jalanraya yang dibuat ini biarlah betul-betul. Maksudnya bukan sahaja sekatan jalanraya yang dibuat itu untuk mencari orang-orang tertentu atau kereta-kereta tertentu, malahan di dalam sekatan yang begini rupa bahagian lain harus diambil perhatian juga, Maksudnya kalaulah lori-lori ataupun trailer-trailer yang panjang-panjang ini lalu dalam masa sekatan jalan sedangkan mereka telah lebih muatan dan sebagainya hendaklah sama-sama turut diambil perhatian dan kalau boleh diambil tindakan di atas kesalahan mereka, pihak polis tidak mungkin ragu-ragu.

Begitu juga polis bahagian peronda lebuhraya dan sebagainya yang menunggu pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan terutama sekali memotong di bahagian line, dua line ataupun double line, dengan izin, macam menunggu satu perangkap. Kadangkala pemandu-pemandu ini ada budibahasanya dengan kawan-kawan. Bila ada seseorang polis yang menunggu kereta-kereta peronda ini menunggu, satu lampu akan dibuka memberitahu bahawa di hadapan ada polis menunggu. Jadi, keadaan yang seperti ini saya rasa kadangkala pernah dalam pengalaman saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak memberikan tahu nombor kerana yang membuat salah, tetapi nombor kereta yang nombor dua, nombor tiga yang di belakang tak sempat diberitahu. Yang jadi korban orang pertama itu sahaja, nombor dua, nombor tiga tak jadi korban, tidak dapat ditahan. Inilah perkara-perkara yang saya rasa kurang baik dan tuduhan-tuduhan kurang baik pun timbul, mengatakan bahawa sekatan keadaan yang

macam itu ada perkara-perkara yang kurang baik berlaku, sedangkan mungkin polis itu jujur, tetapi ada tuduhan-tuduhan yang kurang baik terhadap anggota-anggota polis ini. Jadi, dengan sebab itu pihak polis dalam menentukan orang salah dengan orang tak salah, dalam menggunakan jalanraya ini haruslah tegas, jangan sampai ada anak-anak yang kecil pun boleh memberi maklumat adanya kecurangan berlaku dalam masa sekatan-sekatan ini dibuat. Ini mungkin Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yaag Berhormat dalam Dewan ini pun tahu masalah ini.

Tujuan yang saya kemukakan ini bukan kita hendak mencaci, malahan kita mahu anggota-anggota polis itu benar-benar bersikap sebagai polis. Kita ingat cerita masa kita kecil-kecil dahulu bila kita buat salah sedikit orang akan beritahu tengok nanti polis datang. Semua takut. Kadang-kadang kita dalam perjalanan ada orang beritahu di depan ada polis, kita terus undur. Bukanlah maksud kita mengatakan bahawa orang awam mesti takut dengan polis, tetapi orang akan menganggap bahawa polis itu adalah orang yang mempunyai tanggungjawab dan polis ini adalah orang yang jujur dan amanah. Bukanlah ertinya macam kita masa kecil-kecil bila dengar polis kita hendak lari, tetapi sampai peringkat sekarang, peringkat anak-anak boleh pegang pistol polis masa polis meronda. Kadang-kadang polis itu berjalan dengan tak fikir banyak, tak sedar rupanya seorang budak sudah pegang pistolnya. Kalau dia panggil 'abang', dia panggil 'abang', kalau dia panggil 'pak cik', dia panggil 'pak cik'. Dia kata: "Bolehkah saya pegangkah pistol ini, pak cik?" "Hai, jangan nak, jangan nak", dia kata. Begitu cuai. Bukanlah maksudnya boleh bercampur dengan orang awam ini sampai senjata yang begitu mesti dikawal boleh dapat dipegang oleh anak-anak.

Begitu juga kadang-kadang pernah kita tengok polis yang meronda di pekan-pekan ini dia berjalan macam dia melihat sesuatu. Maksud saya sesuatu itu menengok hiburan atau sebagainya. Dia pandang perhati. Datang seorang kawan dia. Saya tak ingin sebutkan siapa. Dia tepuk, "Apa macam? Ini hari pergi mana?" Sikap ini pun saya rasa tidak sesuai dengan kewibawaan sebagai seorang anggota polis. Tetapi kalau polis ini dia faham yang dia itu polis dan dia mempunyai tanggungjawab, dia ada memikul amanah, dia harus jujur, maka dia tidak boleh melakukan sebarang kezaliman kepada orang awam dan orang awam mesti meletakkan diri mereka mempercayai bahawa polis adalah golongan orang yang amanah, yang menjalankan kerja-kerja dengan penuh tanggungjawab dari tidak menzalimi walau seorang pun dan polis adalah bersih daripada perkara-perkara penyelewengan dan perkara-perkara yang bukan sepatutnya dilakukan oleh anggota-anggota polis.

Saya bercakap ini kerana segolongan besar keluarga saya adalah polis. Jadi, manakala kita teliti dan kita tengok datang perasaan kasihan dengan keadaan dia, dengan suasana dia, dengan tugas yang diberikan, lepas itu pula tengok tempat-tempat kediaman mereka, kita rasa kurang sesuai. Sebab itu saya sekali lagi menekankan bahawa perkhidmatan anggota polis ini hendaklah dikaji semula dan disesuaikan dengan kedudukan dia sebagai yang diberi amanah, menjaga keamanan negara, yang bertugas tidak tentu masa, maka kedudukan mereka mestilah diberikan keselesaan walaupun keadaan negara ekonominya kurang menyenangkan, tetapi masalah polis ini harus dibuat pertimbangan. Saya menekankan sekali lagi dalam masalah

polis ini, sekali lagi saya menyuarakan, supaya kita jangan meletakkan orang yang tidak mahu menyuarakan tentang pakaian-pakaian polis wanita ini.

Berpindah kepada Maksud B. 63 iaitu peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sebagaimana yang telahpun diutarakan oleh kawan-kawan saya dalam Dewan ini sudah 30 tahun kita merdeka dan tentulah kita kata 30 tahun itu kalau hendak difikirkan masa 30 tahun adalah lama, tetapi kalau hendak difikirkan sebagai sebuah negara yang membangun, 30 tahun itu belum begitu lama. Mungkin kita pun mahu menerima dalam masa 30 tahun negara kita merdeka dipandangkan pembangunan-pembangunan yang berada dalam negara kita ini seolah-olah kita ini telah merdeka 70 - 80 tahun', itu kita akui, Tetapi yang menjadi masalah iaitulah tentang meletakkan perimbangan peruntukan pembangunan negara di luar bandar ini haruslah ditekankan betul-betul bahawa banyak penduduk-penduduk dalam negara kita ini terutama dalam bahagian pendalaman dan kurang pendalaman pun ada, kadang-kadang kampung itu duduk dalam kawasan jalan besar, jalan utama tetapi kampung itu sampai ketika ini pun beium dapat bekalan asasi sebagaimana yang disuarakan, umpamanya air. Air saya tak tekankan api tak dapat diterima. Dan kalau hendak dikatakan kampung-kampung pendalaman, maka kita nampak masih banyak yang tak masuk. Sebab saya katakan demikian, pemberian dan pengagihan ini kadangkala kampung-kampung di luar bandar ini ada yang sudah dapat lebih daripada sepatutnya dan ada pun sudah dapat mengulang buat kali kedua, tetapi ada kampung yang tak merasai

Saya bersetuju kalau dikatakan permintaan untuk memberikan kemudahan dalam kampung-kampung tradisional yang pendalaman ini, saya rasa kalau kita katakan bahawa satu benda yang diminta di hujung tidak boleh disampaikan melainkan mesti diberi di pangkal. Melalui pangkal baru boleh sampai ke hujung dan dia tak boleh melompat begitu. Saya setuju, tetapi masalah yang dipangkal ini dia berhenti di situ, yang hujung menjerit juga. Tahun depan yang hujung menjerit juga, yang pangkal dapat lagi satu. Lagi satu tahun yang akan datang itu, yang hujung menjerit juga, yang pangkal dapat lagi satu.

Pilihanraya datang lagi sekali, beri janji orang hujung akan dapat kemudahan, selepas pilihanraya orang di pangkal juga dapat ganti baru, orang hujung masih juga tidak dapat apa-apa. Keadaan ini kalau Tuan Yang di-Pertua mahu bersama-sama dengan saya, kita boleh pergi tengok kampung-kampung yang seperti ini.

Apabila kita tengok mereka, kita kasihan, sebab mereka pun penduduk Malaysia juga, mereka pun ada hak, mereka pun telah memberikan penentuan, mereka penyokong kita, tetapi apakah dosa-dosa mereka yang sehinggakan soal ini pun tak nampak? Jadi dengan sebab itu, perkara-perkara macam ini haruslah dipastikan, kerana yang menjadi sasaran ialah wakil-wakil rakyat kawasan.

Kalau kita mahu tengok penduduk-penduduk di Luar bandar yang mana baru-baru ini di Negeri Sembilan, saya beri contoh, dalam satu kawasan di Gemas, baru diketahui rupanya ada anak yang tak bersekolah. Kebetulan diadakan khemah-kerja di kawasan itu, dilihatlah keadaan kehidupan penduduk di kawasan itu, malahan bukannya jauh dari sekolah, tetapi tak tahulah macam mana boleh jadi demikian. Ada anak-anak yang tak bersekolah, sedangkan hanya jauhnya lebih kurang 3 batu dari sekolah, Setelah diteliti didapati bahawa ketua kampung itu memberitahu tidak ada kemudahan yang boleh sampai ke sekolah.

Kita pun tak boleh hendak menafikan bahawa rakyat hari ini manja, tak boleh kita hendak menafikan, tetapi timbulnya kemanjaan itu adalah kerana kita manjakan mereka. Apabila orang sudah manja, kita cuba hendak tolak tetapi yang pujuk kita, yang berasmara kita, yang tulis, surat kita, yang merayu kita, tetapi bila sampai kehendak

orang itu kita tolak. Ini yang menjadi masalah. Jadi nampaknya tindakan pihak Kerajaan adalah sedikit perhatian. Ini baru satu kampung, kita tak tengok lagi beberapa banyak kampung lain.

Jadi, orang-orang di luar bandar ini kalau kita mahu berjumpa dengan mereka, kita akan merasa seolah—olah kita sudah duduk dalam kesenangan, sebab kita sudah dapat semua nikmat, kita sudah dapat semua kemudahan. Kadangkala dipandanginya kita seolah macam orang dari kayangan. Kalau kereta agak besar masuk, anak-anak mereka akan kelilingkan kereta kita, pandang dalam, pandang luar. Kita tengok rakyat luar bandar kasihan, rupa-rupanya masih ada lagi bangsa kita hidup macam itu.

Dahulu kita ingat sebelum merdeka, kitalah ketinggalan, peringkat anak-anak dahulu. Bila kita tengok kereta orang besar, kita tengok kadang-kadang kalau kereta dia itu kilat, kita hampir, tuan dia marah. Dia kata, jangan usik kereta itu nanti calar. Masa itu kita jadi hamba. Tetapi setelah 30 tahun merdeka, rupanya masih ada lagi bangsa kita, saudara kita yang senasib macam yang pernah kita rasa sebelum kita merdeka.

Jadi peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, saya rasa patutlah dikaji semula, biarlah orang di pangkal itu, tak usah beri lebih layanan sangat, berilah dahulu orang yang di hujung kerana kasihan. Malangnya apabila ditanya, Kerajaan kata tak ada duit, ekonomi meleset. Tetapi orang lain dapat juga kemudahan, yang ketinggalan ini tak juga dapat. Jadi apakah sebenarnya pertimbangan yang dibuat?

Kemudian menyentuh kepada B14 ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, perkara yang sekarang menjadi satu isu yang kita tengok di mana-mana sahaja rakyat bercakap mengenai masalah perumahan yang bertaburan yang tidak ada pembelinya. Ada pula di satu-satu kawasan tu berkehendakan rumah, rumah tak ada tetapi ada pula kempen rumah murah, pemilihannya tak betul. Janjinya dahulu orang yang tak ada rumah akan diberi rumah, tetapi akhirnya orang yang sudah ada dua rumah dapat tiga rumah. Inipun satu masalah yang tak habis-habis. Selagi manusia itu beranak, soal rumah takkan cukup.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menghentikan kisah perumahan ini cukuplah tak usah beranak lagi, Kalau orang tak hendak beranak lagi, permintaan rumah tak berlaku, tetapi selagi manusia melahirkan anak, melahirkan zuriat, selagi itulah masalah perumahan tidak akan selesai. Tetapi apa yang kita bimbangkan, kenapakah tender perumahan itu kadangkala kalau kita kita tengok, kita tahu kontraktor itu memang tak boleh buat, tetapi dia dapat tender sampai tiga empat projek. Tutup lubang, gali lubang, akhir sekali dia ingat tender perumahan yang pertama itu dia boleh berjaya, dia pusing duit projek pertama itu kepada yang kedua, dia ingat yang kedua itu boleh jaya, dibaka yang ketiga akhirnya ketiga-tiga projek pun tak berjaya. Apakah hasilnya? Kalau tak percaya, bolehlah sama-sama kita tengok. Ini yang timbul dan menjadi masalah kepada Kerajaan Negeri.

Kadangkala tanah itu diambil daripada badan berkanun, digadai-kan tanah itu kepada bank, dapat duit, pusing punya pusing, rumah tak naik, duit habis. Tanah yang badan berkanun miliki tadi sudah jadi terumbang-ambing. Apa masalahnya pun tak tahulah, macam

mana boleh jadi demikian. Tentulah pihak Kementerian tentulah mengetahui mana orang yang boleh buat, mana yang tak boleh buat.

Jadi, dalam masalah ini haruslah diambil perhatian betul-betul. Janganlah jadikan rakyat susah, tiga kali interview atas rumah yang sana, satu rumah pun tak ada. Apa yang paling malang, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang itu bekerja sebagai pegawai kerajaan menyewa rumah, kemudian dia beli rumah, loan perumahannya sudah dipotong, tetapi rumah masih disewa. Inipun pelik juga, projek perumahan entah di mana.

Ada setengah rumah pula, sudah dibina empat lima tahun dahulu, masih tebengkalai macam itu, atap tak ada. Tiba-tiba dia dapat duit, diletakkan atap, kayu-kayu yang di atas itu sudah kena hujan dan panas empat lima tahun, bayangkanlah apa akibatnya apabila atap itu dinaikkan. Tunggulah nasib si pembeli itu. Apabila dikaji-kaji, pihak berkenaan kata kontraktor lari, bila dikaji-kaji lagi, dia kata pemborongnya tak betul ataupun dia kata silap teknik dan yang menjadi korban ialah pihak pembeli.

Jadi, dengan sebab itu, saya ingin mengambil kesempatan merayu supaya pihak Kementerian Perumahan ini mengambil perhatian ber-sungguh-sungguh atas perkara ini.

Jadi saya rasa saya tak payahlah saya bercakap banyak, masa untuk saya bercakap mungkin boleh disambung esok, tetapi tak payahlah saya sambung, fasal petang esok banyak Ahli Yang Berhormat boleh bercakap lagi. Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya mengambil kesempatan bersama-sama menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi mempertuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 15(3), bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN**Pulau Langkawi dan Pulau Pinang sebagai
Pelabuhan Bebas****6.31 ptg.**

Tuan Lim Heng Tee: Tuan Yang di-Pertua, perkara Pulau Pinang sebagai Pelabuhan Bebas adalah perkara lama yang selalu diberi perhatian berat oleh penduduk-penduduk di Pulau Pinang, walaupun Kerajaan Pusat tidak banyak menunjukkan minat padanya.

Baru-baru ini Pulau Langkawi dtubuhkan sebagai sebuah Pelabuhan Babas dan ini telah menghidupkan kembali minat orang ramai mengenai tajuk Pelabuhan Bebas, khasnya peniaga-peniaga di negeri Kedah, Pulau Pinang dan juga mereka yang terlibat dalam industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kita rasa gembira kerana Kerajaan telah sedar betapa perlu dan juga pentingnya Pelabuhan Bebas dalam memajukan industri pelancongan serta menggerakkan aktiviti-aktiviti ekonomi, khasnya pada masa kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak status Pelabuhan Bebas Pulau Pinang dilucutkan pada tahun 1977, Pulau Pinang dan Malaysia seluruhnya telah menderita kerugian dalam pendapatan Kerajaan dan perniagaan, negara kita telah kalah banyak kepada Singapura dan negara-negara tetangga di bidang industri pelancongan.

Penubuhan Pulau Langkawi sebagai sebuah Pelabuhan Bebas telah memberi harapan yang cerah bagi kita berusaha mendapatkan sebahagian besar daripada perniagaan pelancongan yang amat menguntungkan. Oleh yang demikitan, kita mengalu-alukan penubuhan Pulau Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan Malaysia bersaing secara lebih berjaya dengan negara-negara lain, saya ingin menggesa supaya Kerajaan Persekutuan menimbangkan secara praktis kemajuan Pelabuhan Bebas.

Pertamanya, kita harus ingat bahawa Pulau Langkawi belum pesat maju dan terpaksa pihak yang berkenaan bermula dari titik permulaan. Ini akan menelan perbelanjaan yang besar selama beberapa tahun, sebelum Pulau Langkawi boleh dimajukan untuk menjadi sebuah Pelabuhan Bebas yang berjaya dengan kemudahan-kemudahan dan penarikan-penarikan kepada pelancong. Sebaliknya, Pulau Pinang yang pernah menjadi Pelabuhan bebas selama hampir 200 tahun sehingga status bebasnya dilucutkan 10 tahun dahulu, mempunyai faedah-faedah ataupun dengan izin, advantage organisasinya, pengalaman dan kemudahan-kemudahan yang paling baik, termasuklah dermaganya dalam untuk kontena yang paling baik, lapangan terbang antarabangsa, pusat kewangan dan lain-lain lagi. Lagipun Pulau Pinang telah terkenal sebagai sebuah Pelabuhan Bebas yang popular. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, untuk memajukan Pulau Langkawi serta mengukuhkan dengan segera kedudukan Malaysia untuk bersaing dengan negara-

negara lain, terutamanya Singapura dalam perniagaan pelancongan.

Saya ingin mencadangkan supaya kedua-duanya Pulau Langkawi dan Pulau Pinang dijadikan Pelabuhan Bebas. Satu sistem ikatan ataupun dengan izin, a tied-up system dan mengenai kerjasama dan operasi bersama di antara kedua-dua pulau tersebut dapat dirangkaikan demi faedah bersama kedua-dua pihak, Hasil sistem ikatan dan kerjasama ini bukanlah sahaja Pulau Langkawi akan maju dan tumbuh dengan pesat, tetapi kawasan utara Semenanjung Malaysia juga akan turut mencegap manfaatnya dan turut maju bersama.

Pertumbuhan dan kemajuan kedua-dua pulau iaitu Pulau Langkawi dan Pulau Pinang hendaklah saling membalas dan bukanlah bersaing di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa supaya Kerajaan Persekutuan mengkaji semula perkara Pelabuhan Bebas dari prospektif yang lebih luas lagi. Terima kasih.

Lt Kol(B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Loke Yuen Yow; Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Lim Heng Tee yang telah menyuarakan pandangan-pandangan beliau mengenai status Pelabuhan Bebas Pulau Pinang dan juga Pulau Langkawi.

Saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin menjawab sedikit sebanyak atas Ucapan Tanggahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah mencadangkan supaya Pulau Pinang diberikan semula status Pelabuhan Bebas. Cadangan ini tidak dapat dipertimbangkan lagi oleh Kerajaan kerana ianya akan

melibatkan kehilangan hasil yang banyak kepada Kerajaan.

Selain daripada itu, Pulau Pinang telahpun mendapat faedah daripada Pelabuhan Bebas Cukai sebelum ianya ditamatkan pada bulan Disember, 1977.

Ini adalah jelas daripada tahap pembangunan yang dicapai di pulau

Tuan Yang di-Pertua, penarikan kedudukan status Pelabuhan Bebas Pulau Pinang ini mungkin sedikit-sebanyak telah menjejaskan atau mempunyai kesan negatif ke atas industri pelancongannya, tetapi Kerajaan telahpun bersetuju meluluskan lesen-lesen Kedai Bebas Cukai kepada pengusaha-pengusaha Pulau Pinang. Kedai-kedai Bebas Cukai ini adalah dibenarkan menjual barangan-barangan yang tidak dikenakan cukai kepada pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Pinang itu. Dengan adanya kedai-kedai seperti ini di Pulau Pinang, Kementerian Kewangan atau Kerajaan berasa bahawa pelancong-pelancong asing akan dapat membeli barang-barang di kedai ini dengan harga yang murah dan menarik kerana barang-barang berkenaan tidak dikenakan cukai.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah meluluskan penubuhan gudang-gudang berlesen khas dan gudang-gudang berlesen awam di mana barang-barang yang diimport boleh disimpan dalam gudang-gudang tersebut dengan tidak dikenakan duti atau cukai. Duti hanya dikenakan apabila barang-barang berkenaan dibawa masuk atau dibawa keluar daripada gudang-gudang berkenaan. Untuk menggalakkan industri yang berorientasikan eksport ditubuhkan di Pulau Pinang, Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone) telah ditubuhkan di Bayan Lepas sejak tahun 1972 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang terdapat di Pulau Pinang tidaklah dapat dibandingkan dengan pembangunan di Pulau Langkawi, yang demikian cadangan Ahli Yang Berhormat agar kedua-dua pulau ini diberikan status Pelabuhan Bebas dan dimajukan bersama tidak dapat diterima oleh Kerajaan. Pulau Langkawi tidak mempunyai kemudahan-

kemudahan seperti yang terdapat di Pulau Pinang. Oleh itu untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan dan untuk menjadikannya sebagai pusat pelancongan, Kerajaan telahpun mengisytiharkan bahawa Pulau Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas sejak 1hb Januari, 1987, iaitu tahun ini. Kehilangan hasil adalah minima sahaja memandangkan bahawa tidak begitu banyak aktiviti terdapat di pulau ini. Sebaliknya dalam jangka masa panjang, dengan adanya pembangunan di pulau ini, Kerajaan akan dapat meningkatkan kutipan hasil cukai pendapatan dari aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.

Dengan gulungan yang pendek ini, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.